

Jendela Sarawak

✓ Indeks



Kuching

BIL. 8 DISEMBER 2002

DITERBITKAN 3 KALI SETAHUN

EDARAN PERCUMA

KBS 2002 Catat Sejarah



Pelepasan Rombongan Kembara dilakukan oleh Datu Haji Salleh Haji Sulaiman dan didahului oleh kereta peronda polis.

Awang Zaidel Awang Jamil SAR-M0096/09



Kumpulan motosikal berkuasa besar bersiap sedia di perkaranan kompleks DBP Cawangan Sarawak sebelum majlis pelepasan.

SEJARAH manis tercatat apabila Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak berjaya mengajurkan buat pertama kalinya Kembara Bahasa dan Sastera (KBS) pada 24 September hingga 1 Oktober 2002 lalu. Kembara sejauh 5560 km yang merupakan salah satu kegiatan Bulan Bahasa dan Sastera (BBSN) Peringkat Negeri Sarawak 2002 telah bermula dari Kuching, singgah di Sri Aman, meraya di Sarikei, seterusnya Sibu sebelum meneruskan perjalannya ke Bintulu. Kembara ini telah disertai oleh seramai 82 orang peserta, yang terdiri daripada golongan penulis, wartawan, aktivis sastera, ahli kumpulan lagu puisi dan ahli kelab penggiat sastera di setiap bahagian.

Rombongan yang bertolak dari Kuching terdiri daripada dua buah bas, dan dua buah kenderaan pacuan empat roda dan dua buah kereta diiringi seramai 37 orang ahli Kelab Penunggang Motosikal Kuasa Besar Kuching diketuai oleh Encik Abdul Wahab bin Haji Mainol. Majlis pelepasan rombongan telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, merangkap Ahli Lembaga Pengelola DBP, Datu Haji Salleh Haji Sulaiman di perkaranan DBP Cawangan Sarawak tepat jam 10.30 pagi. Dalam ucapan pelepasannya, Datu Haji Salleh menyarankan agar kembara ini pada tahun-tahun mendatang dapat meliputi seluruh Sarawak.

Destinasi pertama rombongan kembara ialah bandar Sri

Aman. Menjelang jam 2 petang, rombongan tiba di Temudok, Sri Aman dan telah disambut oleh belia Sri Aman yang menunggang kira-kira 30 buah motosikal. Dari Temudok, rombongan telah diarak mengelilingi bandar Sri Aman, sebelum dibawa ke perkaranan Pejabat Residen Sri Aman untuk majlis sambutan. Ketibaan rombongan disambut meriah dengan paluan hadrah oleh Persatuan Warga Emas Sri Aman. Berucap ketika menyambut ketibaan rombongan, wakil residen Sri Aman, merangkap Timbalan Residen Sri Aman, Encik Dahim Nadot telah menyuarakan rasa bangga dan terima kasih kepada pihak DBP Cawangan Sarawak kerana telah memilih Sri Aman sebagai destinasi persinggahan pertama. Beliau juga mengalukan kehadiran rombongan agar dapat mempelbagaikan lagi aktiviti berbentuk kebahasaan dan kesusteraan di Sri Aman.

Keesokan harinya pula, rombongan telah menganjurkan Dialog Korporat DBP Cawangan Sarawak dengan penduduk Sri Aman yang berlangsung di Dewan Suarah Sri Aman. Dialog korporat ini bukan sahaja bertujuan untuk mengeratkan hubungan dengan para penggiat bahasa dan sastera di Sri Aman, malah lebih daripada itu agar masyarakat di Sri Aman dapat bersama-sama menyumbang idea untuk merancakkan lagi aktiviti bahasa dan sastera di Sri Aman.

Menurut Pengarah DBP Cawangan Sarawak, yang berucap pada pagi tersebut, Dialog Korporat DBP selain bertujuan mendengar cadangan dan permasalahan berhubungan pembangunan aktiviti bahasa dan sastera di Sri Aman daripada masyarakat di Sri Aman, juga merupakan salah satu aktiviti tetap DBP untuk bersama pelanggan. "Dialog Korporat DBP juga merupakan Hari Bersama Pelanggan

... bersambung di halaman 3/

Menarik di dalam



Perjalanan Memartabatkan Bahasa

Halaman 4



Syaraan Ketua Menteri Sarawak

Halaman 10



Antara Keindahan dan Kebenaran

Halaman 19

Talian Khidmat Bahasa

Tel : 082-444711

Faks: 082-444707

Emel: dbpsar@po.jaring.my

Bahasa Jiwa Bangsa

KETUA EDITOR
Haji Hamzah Hamdani
hamzah@dbp.gov.my

EDITOR
Abang Haliman Abang Julai
haliman@dbp.gov.my

PENOLONG EDITOR
Huznah Sait
huznah@dbp.gov.my
Jaafar Hamdan

SIDANG EDITOR
Jaraiee Sawal
Zasran Abdullah
Jiso Rutan
Idros Samsudin
Jonathan Singki Lintan

EDITOR BERSEKUTU
Drs. Jakarsi (Kalimantan Selatan)
Dr. Chairil Effendi (Kalimantan Barat)

PELAPOR
Awang Zaidel Awang Jamil

JURUTAIP
Sub Unit Jurutaip



دیوان بهاس کان فوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Cawangan Sarawak

PENGURUSI
Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar

KETUA PENGARAH
Dato' Haji A. Aziz Deraman

TIMBALAN KETUA PENGARAH
Haji Abu Bakar Mohammed

PENGARAH PENERBITAN
Dr. Anwar Ridhwan

PENERBIT
Dewan Bahasa dan Pustaka
Cawangan Sarawak
Peti Surat 1390
93728 KUCHING, SARAWAK

Tel : 082 - 444711
Faks : 082 - 444707
E. Mail : dbpsar@po.jaring.my

PENCETAK
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Jalan Tun Abang Haji Openg
93554 Kuching

daripada editor

SAR - m0097/09

Ambang tahun 2003 semakin terasa dan tahun 2002 berlabuh meninggalkan kita. Sewajarnya kita mengukur pencapaian kita sepanjang tahun 2002 bagi membentul langkah ke tahun 2003. Pelbagai kegiatan dan usaha telah DBP adakan bagi memartabatkan bahasa dan kesusasteraan Melayu, sejarah dengan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Namun demikian, bahasa Melayu tetap mengharungi laluan yang berliku dan kita percaya bahawa sesuatu kejayaan itu tidak akan kita peroleh dengan mudah. Justeru kepayaahan itulah yang akan menjadi pendorong dan penguat semangat hingga mencapai kejayaan. Kepayaahan itu jugalah yang akan mengajar kita erti kehidupan.

Isu bahasa sering diperkatakan oleh segenap lapisan masyarakat sehingga DBP dikatakan taksuh terhadap bahasa Melayu dengan menyisihkan bahasa Inggeris. Saya yakin tanggapan sedemikian tidak benar kerana DBP tidak pernah mengetepikan bahasa Inggeris malah mengakui kepentingan bahasa tersebut (juga bahasa-bahasa antarabangsa lain) untuk kita menimba ilmu dari luar. Pendirian DBP ialah situasi "menang-menang" dan bukannya "kalah-menang" yang mengorbankan salah satu bahasa tersebut. Bahasa mempunyai peranan yang tersendiri dan dalam konteks Malaysia, bahasa kebangsaanlah yang harus diutamakan, dan dengan upaya kita mengeksploitasiakan bahasa-bahasa lain (bahasa Inggeris) sebagai wahana penerimaan maklumat dari luar. Apabila kita dapat maklumat tersebut, maka sampaikanlah maklumat tersebut kepada masyarakat dengan bahasa yang mereka fahami iaitu bahasa kebangsaan.

Sesungguhnya penulis mempunyai peranan yang sangat penting dalam pembangunan negara dan bahasa itu sendiri. Tuntutan zaman sekarang bukan sahaja menuntut penulis sebagai perakam atau pencerita semata-mata, malah lebih daripada itu sebagai mata fikir dan pengkritik yang dapat menjadi panduan

kepada masyarakat pembaca. Masyarakat harus sedar fungsi yang dimainkan oleh bahasa dalam membentuk satu negara bangsa yang mempunyai jati diri. Maklumat yang tepat dan jelas lewat karya-karya yang bermutu yang terbit dalam segenap media menjadi pemangkin keampuhan bahasa Melayu untuk mengungkap setiap bidang ilmu. Kejayaan penulis Sarawak seperti Zainal Abidin Suhaili (Abizai) dan Awangku Merali yang menempa nama di persada Sastera Perdana Malaysia 2002 (sebagai salah satu contoh kejayaan penulis Sarawak) haruslah menjadi contoh dan penguat semangat penulis tempatan untuk terus menghasilkan karya yang bermutu.

Dalam memartabatkan bahasa dan kesusasteraan kebangsaan ini, kesepakatan dan kerjasama yang padu di samping keikhlasan masyarakat merupakan faktor penting ke arah kecemerlangan dan kejayaan bahasa kebangsaan ke mercu citra bangsa. Kita tidak perlu berbalah tentang perkara yang remeh kerana kita mempunyai tanggungjawab yang lebih besar untuk meletakkan bahasa kita ke tahap yang sewajarnya seiring dengan arus sains dan teknologi masa kini. Walau apapun bentuk kegiatan yang diusahakan sama ada oleh DBP mahupun badan bukan kerajaan seperti persatuan penulis secara bersungguh-sungguh, tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak, kegiatan yang menggunakan sekian banyak peruntukan ini sudah pasti menjadi sia-sia dan kita tidak akan mendapat pulangan 'modal' se yang diharap-harapkan.

Azam tahun baru, dengan sepenuh upaya kita, dengan gagasan, semangat dan strategi baru, kita bersama-sama mendepani cabaran 2003. Semoga tanggungjawab yang diamanahkan, walau dalam bentuk apa sekalipun, dapat kita laksanakan dengan jujur dan ikhlas demi membangunkan bahasa dan kesusasteraan Melayu yang akan memancarkan citra bangsa Malaysia. JS

surat pembaca

SAR - m0098/09

Selamat Ulang Tahun Ke-25 - Citra Kegemilangan DBP

Baru-baru ini saya terbaca rencana dalam Buletin JENDELA SARAWAK iaitu Citra Kegemilangan DBP. Walaupun saya tidak menyumbangkan karya-karya bermutu kepada DBP atau sememangnya saya tidak melibatkan diri secara serius, namun saya turut gembira atas kejayaan DBP. Kita mengetahui bahawa peranan yang telah dipertanggungjawabkan kepada DBP bukan suatu kerja yang mudah. Peranan yang amat penting boleh memartabatkan bahasa Melayu atau bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan di seluruh pelusuk negeri Sarawak, khasnya. Seharusnya kita bersyukur, dan merenung visi dan misi DBP ke arah satu matlamat iaitu menggalakkan kita menggunakan bahasa kebangsaan dengan cara yang betul. Ini yang dititikberatkan. Dalam masa yang sama juga, kita tidak boleh mengetepikan bahasa Inggeris kerana bahasa ini merupakan bahasa antarabangsa. Janganlah diabaikan penggunaan bahasa Inggeris kerana terlalu mementingkan bahasa Malaysia. Biarkan kedua-dua bahasa ini digunakan secara seimbang, walaupun proses ini bukanlah mudah.

Sama-sama kita hayati moto DBP iaitu "Bahasa Berwibawa Sastera Bermutu, Kualiti dipulihara, Martabat di Mercu." Percayalah, slogan inilah yang membawa kejayaan kepada bahasa kita selain daripada usaha-usaha yang tidak kurang hebatnya di kalangan mereka yang terlibat dalam kegiatan bahasa.

Sesungguhnya tiada niat lain di sebalik yang tersurat ini bahkan saya menyeru kita semua supaya memelihara dan memperkasakan bahasa Kebangsaan kita demi nusa dan bangsa.

*Ikhlas,
Cetusan Rasa,
Selebiah Ali*

Pencetak

Jendela Sarawak diterbitkan setiap empat bulan sejak awal bulan Ogos 2000. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sepanjang Kembara Bahasa dan Sastera 2002

... dari halaman 1/

dengan masyarakat di setiap bahagian di negeri ini. Uniknya DBP, kita pergi kepada setiap bahagian untuk berjumpa masyarakat pendukung gerakan bahasa dan sastera di negeri ini. Sesuai dengan kewujudan DBP atas kehendak rakyat maka kepada rakyatlah kami pergi untuk mendengar kehendak, rungutan dan cadangan mereka”.

Pada sebelah petangnya, telah diadakan Siri Ceramah Sastera yang disampaikan oleh empat orang penceramah yang turut serta dalam rombongan. Sesi pertama ceramah sastera oleh Ketua Unit Pengembangan Sastera, Hazami Jahari yang membincangkan tentang kepentingan sastera dalam kehidupan. Diikuti oleh Zakaria Hassan, Pensyarah Unimas yang juga aktivis teater di Sarawak. Ceramah beliau lebih tertumpu kepada konsep penghayatan teater dalam kehidupan.

Novelis tersohor negara, Jong Chian Lai pula telah berkongsi pengalaman beliau menghasilkan karya besar seperti *Pemberontakan* dan memotivasi para pelajar berhubung kepentingan subjek sastera dalam kehidupan seharian. Sebagai perangsang kepada pelajar yang mendengar ceramah, pihak DBP juga telah menjemput Saudara Hamlin Abolhi, anak jati Sri Aman yang telah mencipta nama dalam genre novel, untuk mengisahkan pengalaman dan memberikan kiat kepada para pelajar berhubung keperluan dan kehendak dalam subjek KOMSAS. Sesi Ceramah Sastera telah dihadiri oleh seramai 250 orang pelajar sekolah menengah dari empat buah sekolah dari sekitar Bandar Sri Aman.

Pada sebelah malamnya, di dewan yang sama, rombongan kembara telah diraikan oleh Kelab Penggiat Sastera Sri Aman. Tetamu kehormat pada malam tersebut ialah ADUN Kawasan Saribas, Y.B Dr. Wahabi. Beliau telah bermurah hati menaja sepenuhnya jamuan pada malam tersebut. Majlis pada malam itu telah diselitkan dengan persembahan kebudayaan seperti kompong, gendang Melayu Sarawak, zapin, lagu puisi, ramban (puisi Iban), dan zikir bardah. Sebagai tanda penghargaan kepada penduduk Sri Aman, rombongan kembara telah mengajurkan Malam Kesenian khusus untuk penduduk Sri Aman pada malam berikutnya. Persembahan malam tersebut merupakan gabungan persembahan antara rombongan kembara dengan kumpulan kebudayaan di Sri Aman.

DBP dengan kerjasama Syarikat DAWAMA Sdn. Berhad Cawangan Sarawak juga turut mengadakan pameran dan jualan buku sepanjang berada di Sri Aman.

Tepat jam 8.30 pagi pada 26 Oktober 2002, majlis pelepasan rombongan kembara ke Sarikei telah dilakukan oleh Menteri Muda Pertanian Sarawak, merangkap ADUN kawasan Simanggang, Y.B Francis Hardien ak. Hollis. Sekali lagi majlis berlangsung di pekarangan Pejabat Residen Sri Aman.

Ketika berucap sebelum majlis pelepasan, Y.B Francis Hardien melahirkan penghargaan kepada pihak DBP kerana



Dialog korporat DBP merupakan salah satu cara DBP mendekatkan diri dengan masyarakat.

memasukkan Sri Aman sebagai sebuah persinggahan sepanjang Kembara berlangsung. Beliau berpendapat seketika di Sri Aman dapat membantu memberikan kesedaran kepada penduduk setempat tentang pentingnya bahasa kebangsaan digunakan dalam urusan rasmi dan juga mengharapkan agar pihak DBP dapat mengekalkan Sri Aman menjadi destinasi persinggahan rombongan kembara pada masa akan datang, agar perhubungan erat penggiat bahasa dan sastera di Sri Aman sentiasa terjalin, dan dapat memajukan destinasi perlancongan di Sri Aman. Bilangan ahli rombongan terus bertambah apabila empat orang peserta mewakili Sri Aman turut serta dalam rombongan.

Rombongan kembara seterusnya berangkat ke Sarikei dan tiba di pekarangan Dewan Masyarakat Sarikei sekitar jam 12.30 tengah hari. Rombongan kembara telah disambut dengan arakan bunga mangga oleh Kelab Penggiat Sastera Sarikei. Turut sama menunggu ialah Menteri Muda Alam Sekitar dan Industri Makanan Sarawak, Datuk David Teng Lung Chi dan Residen Sarikei, Encik Sim Nyuk Poh. Meskipun hanya singgah untuk makan tengah hari namun sambutan yang diberikan oleh pihak Sarikei amat mengagumkan. Rombongan dipersembahkan dengan drama tari oleh Kelab Penggiat Bahasa dan Sastera Sarikei dibawah pimpinan Radzemah Bolhasan.

Tepat jam 2.00 tengah hari, rombongan kembara berangkat menuju ke Sibu. Di Sibu 30 buah penunggang motosikal berkuasa tinggi telah menunggu ketibaan rombongan kembara di Pangkalan Feri Lanang. Diiringi kereta peronda polis, rombongan kembara terus dibawa ke pekarangan kompleks MAKSAK Sibu, untuk menghadiri majlis sambutan yang telah diaturkan oleh Pejabat Residen Sibu. Rombongan kembara disambut meriah oleh penduduk di Sibu yang diketuai oleh ADUN Kawasan Sibu, Encik Awang Bemee Haji Awang Ali Basah dan Residen Sibu, Tuan Haji Bujang Mohiddin Haji Jol.

Di Sibu aktiviti rombongan bermula pada keesokan harinya dengan Dialog Korporat di

dengan jamuan makan tengah hari di pejabat Lembaga Pembangunan Bintulu (BDA). Bintulu, merupakan pusat sambutan BBSN peringkat Negeri Sarawak tahun ini dan beberapa aktiviti telah disertai oleh ahli rombongan antaranya persembahan kesenian di Esplanad Bintulu, Pesta Pantun di Kampung Jepak, dan lawatan ke Kompleks BDA. Majlis penangguhan sambutan BBSN Peringkat Negeri Sarawak 2002, merupakan aktiviti terakhir Kembara Bahasa dan Sastera 2002. Majlis penangguhan yang telah disempurnakan oleh Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Awang Tengah Ali Hassan, bertempat di Hotel Beverly Park, Bintulu. Sesungguhnya Kembara Bahasa dan Sastera 2002, bukan sahaja telah memberikan pengalaman indah kepada peserta rombongan, malah lebih penting memberikan pendedahan kepada semua peserta yang terdiri daripada golongan penulis dan penggiat bahasa dan sastera akan jerih payah untuk mengembangkan bahasa dan sastera di negeri yang seluas Semenanjung Malaysia ini. Pengalaman inilah diharap dapat menggerakkan kaum penulis dan penggiat bahasa dan sastera di negeri ini agar dapat terus berjuang bersama-sama DBP dalam usaha memartabatkan bahasa dan sastera di negeri ini. Memetik kata-kata salah seorang peserta rombongan, jauh perjalanan luas pengetahuan, jauh perjalanan terasa beban, lebih jauh perjalanan terasa betapa kerdilnya kita sebagai manusia yang sanggup memikul tanggung-



Walau dalam hujan, Residen Sibu, Tuan Haji Bujang Mohiddin Jol tetap melaksanakan pelepasan rombongan dari Sibu ke Bintulu.

Seawal dingin jam 6.30 pagi, pada keesokan harinya rombongan kembara telah bersiap menuju ke destinasi terakhir kembara, iaitu bandar Bintulu. Hujan yang mencurah sejak dinihari seolah-olah keberatan melepaskan rombongan berangkat ke Bintulu. Ketibaan rombongan di Bintulu disambut

jawab yang telah diamanahkan untuk menjadi khalfah di dunia ini. Sesungguhnya kembara kali ini amat berjaya dari segi penetapan programnya. Adapun kekurangan, sudah pastinya akan dijadikan sempadan pada masa akan datang. **JS**

Perjalanan Memartabatkan Bahasa Kebangsaan

SAR - m0099/09

Hazami Jahari

PE R J A L A N A N memartabatkan bahasa kebangsaan bukanlah satu usaha yang mudah. Perjalanan yang dilalui penuh liku dan ranjau. Pelbagai cabaran serta rintangan yang menghalang di segenap simpang-siur dasar dan alasan, politik dan perpaduan, ekonomi dan teknologi.

Dengan tertubuhnya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), langkah pejuang bahasa mula bergerak bebas dan berani. Para pejuang berhasrat memartabatkan ketinggian akal budi serta budaya bangsa yang diwarisi sejak sekian lama. Tanpa menoleh ke belakang usaha mengangkat martabat bahasa kebangsaan digembleng sepenuh jiwa dan raga sesuai dengan keperluan sebuah bangsa yang merdeka.

Bahasa Kebangsaan terus menongkah perubahan zaman serta tindihan dasar yang

adalah selaras dengan kehendak perlembagaan negara kita, dasar bahasa kebangsaan serta akta bahasa kebangsaan. Namun hal inilah yang tidak pernah diambil kira apabila kita memperkatakan kedudukan bahasa kebangsaan.

Maka setelah 16 kali Bulan Bahasa (sekarang Bulan Bahasa dan Sastera Negara [BBSN]) diadakan di Sarawak sebagai usaha berterusan memartabatkan bahasa kebangsaan, DBP Cawangan Sarawak mula mencari kaedah yang lebih berkesan. Selain kegiatan tahunan yang berupa ceramah, kursus, pertandingan dan acara kesenian di pusat sambutan, BBSN 2002 memecah tradisi sendiri.

Bagi memastikan semangat menyambut BBSN, DBP Cawangan Sarawak melalui Jawatankuasa Kerjasama Bahasa dan Sastera Bahagian dengan kerjasama Jabatan Residen Sri Aman, Sarikei, Sibu dan Bintulu telah mengadakan Kembara Bahasa dan Sastera (KBS). Kembara ini bermula dari Kuching pada 24 September 2002 dengan singgah di Sri

memeriahkan lagi sambutan BBSN di seluruh Sarawak. Walaupun pusat sambutan BBSN 2002 ialah di Bintulu, dengan adanya kegiatan kembara ini, semangat dan semarak sambutan BBSN dapat dirasakan di bahagian-bahagian lain apabila konvoi KBS singgah serta melalui bahagian tertentu. Secara langsung ingatan dan kesedaran masyarakat di Sarawak terhadap BBSN dan bahasa serta sastera kebangsaan dapat disegarkan lagi.

Konvoi KBS diketuai oleh Tuan Haji Hamzah Hamdani, Pengarah DBP Cawangan Sarawak dan disertai oleh para pegawai DBP, penulis, pencinta bahasa dan penggiat budaya dari Kuching, Sri Aman, Sarikei dan Sibu. Jumlah keseluruhan ahli konvoi ialah sekitar 80 orang dengan menaiki dua buah bas, dua kenderaan pacuan empat roda, dua buah kereta dan diiringi oleh sejumlah 30 buah motorsikal berkuasa tinggi sehingga ke bandar Sri Aman.

Pelancaran rasmi konvoi KBS pada 24 September 2002 jam 9.00 pagi di perkaranan DBP Cawangan Sarawak telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Datu Haji Salleh Haji Sulaiman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak yang juga ahli Lembaga Pengelola DBP. Dalam ucapan pelancarannya, Y.Bhg. Datu Haji Salleh mencadangkan agar pada masa hadapan kembara ini seboleh-bolehnya melibatkan seluruh negeri Sarawak bagi memastikan sambutan BBSN dapat dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat.

Ternyata sambutan masyarakat di bahagian-bahagian yang disinggahi amat meriah dan menakjubkan. Andaian bahawa bahasa Melayu tersisih dari keyakinan masyarakat adalah andaian liar yang nakal semata-mata. Masyarakat masih lagi menyakini akan kemampuan dan kehebatan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan.

Hal ini terbukti apabila persinggahan selama dua malam di Sri Aman mendapat sambutan yang meriah sekali. Selain sambutan masyarakat setempat, keprihatinan Yang Berhormat Encik Francis Hardien, ADUN Simanggang dan Yang Berhormat Dr. Haji Wahbi Haji Junaidi, ADUN Saribas juga adalah lambang penerimaan terhadap usaha DBP Cawangan Sarawak memartabatkan bahasa kebangsaan di Sarawak. Kedua-dua wakil rakyat ini sanggup bersama-sama masyarakat Sri Aman menyertai kegiatan bahasa dan sastera yang diadakan oleh konvoi Kembara Bahasa dan Sastera.

Di Sarikei juga penerimaan serta sambutan masyarakat amat menggalakkan. Dengan diketuai oleh Encik Sim Nyuk Foh, Residen Sarikei, konvoi disambut penuh hormat dan beradab. Ini juga adalah lambang kesediaan masyarakat di Sarikei terhadap usaha-usaha memartabatkan bahasa kebangsaan. Biarpun konvoi hanya singgah seketika namun kesan dan semangat BBSN di bandar nenas itu tetap mendalam.

Puncak kepada keyakinan pimpinan dan

masyarakat terhadap usaha-usaha DBP Cawangan Sarawak selama ini terserlah di Sibu. Konvoi disambut penuh meriah oleh segenap peringkat masyarakat. Yang Berhormat Encik Awang Bemee Haji Awang Ali Basah, ADUN Nangka dan Tuan Haji Bujang Mohidin Haji Jol, Residen Sibu mengetuai sambutan di Rumah MAKSAK, Sibu.

Sambutan yang amat meriah serta penyertaan kakitangan kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat umum terhadap kegiatan bahasa dan sastera yang dianjurkan oleh konvoi di Sibu menunjukkan penerimaan terhadap bahasa kebangsaan yang tidak berbelah bahagi. Kegiatan seperti dialog korporat DBP Cawangan Sarawak, ceramah bahasa dan persembahan kesenian dihadiri dan disertai oleh masyarakat di Sibu dengan penuh minat. Inilah pancaran dari keyakinan mereka terhadap kemampuan bahasa kebangsaan.

Kembara Bahasa dan Sastera BBSN 2002 berakhir di Bintulu dengan menghadiri majlis Penangguhan BBSN 2002 di salah sebuah hotel terkemuka di bandar gas itu. Walaupun tiada sambutan yang meriah seperti sebelumnya, kehadiran konvoi tetap diterima dengan hati yang terbuka oleh masyarakat setempat. Kegiatan seperti Malam Kesenian dan penglibatan dalam majlis Penangguhan BBSN 2002 memberi kesedaran betapa bahasa Melayu itu tiada kurangnya berbanding bahasa-bahasa utama dunia yang lain.

Secara keseluruhannya konvoi Kembara Bahasa dan Sastera BBSN 2002 telah berjaya membuka kesedaran masyarakat terhadap kemampuan sebenar bahasa kebangsaan kita. Maka dengan sendirinya andaian bahawa bahasa Melayu tidak memiliki kemampuan menjadi bahasa ilmu, bahasa sains dan teknologi serta bahasa ekonomi terjawab. Malah usaha DBP Cawangan Sarawak selama ini mendapat pengiktirafan dan kerjasama erat masyarakat di Sarawak.

Di sebalik kejayaan konvoi ini ialah kerjasama erat yang diberikan oleh Residen Sri Aman, Residen Sarikei, Residen Sibu dan Residen Bintulu. Melalui kerjasama ini segala kegiatan sepanjang konvoi seperti dialog korporat, ceramah sastera, malam kesenian dan acara sambutan dapat dijalankan dengan sempurna. Kerjasama ini juga datangnya daripada segenap kakitangan Pejabat Residen berkenaan yang tidak putus-putus menghulurkan bantuan kepada DBP Cawangan Sarawak.

RTM Sarawak juga telah membantu sepenuhnya kembara ini dengan memberi ruang untuk liputan radio sepanjang kembara berlangsung. Laporan setiap pagi dan tengah hari bagi memaklumkan kegiatan kembara

... bersambung di halaman 20/



Residen Bahagian Sarikei, Encik Sim Nyuk Foh bersedia untuk melepaskan rombongan.

sering bertukar ganti mengikut keperluan keadaan. Perjalanan bahasa semakin sukar pada alaf yang bertuankan sains dan teknologi. DBP berdepan dengan pelbagai cabaran dan tuntutan semasa yang berkaitan dengan keyakinan masyarakat terhadap kemampuan bahasa sendiri. Banyak andaian liar yang muncul tentang keupayaan bahasa kebangsaan ketika berdepan dengan globalisasi ini.

Andaian-andaian liar ini muncul ketika kita mula berasa yakin bahawa tiada kurangnya bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa sains dan teknologi, bahasa ekonomi serta bahasa perpaduan. Bahkan gerakan memartabatkan bahasa kebangsaan

Aman, Sarikei dan Sibu sebelum berakhir di Bintulu pada 1 Oktober 2002 sebagai penutup kalendar kegiatan BBSN.

KBS bertujuan menyemarakkan lagi kecintaan masyarakat terhadap bahasa kebangsaan. Ini selaras dengan usaha mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa perpaduan dan bahasa ekonomi. Di samping itu kegiatan ini juga diharapkan dapat menimbulkan kesedaran yang menyeluruh terhadap perpentingnya masyarakat menggunakan bahasa Melayu yang baku dalam semua urusan rasmi.

Sesungguhnya KBS juga bermatlamat

Seminar Perkembangan BM Di Sarawak

Assmah Haji Osman SEPTEMBER 09

SEMINAR Perkembangan Bahasa Melayu di Sarawak telah diadakan pada 20 Ogos 2002, bertempat di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak. DBP Cawangan Sarawak telah melaksanakan amanah sebagai pengajur dengan baik diiring kerjasama serta sokongan Jabatan Bahasa, DBP Kuala Lumpur. Seminar ini diadakan bersempena ulang tahun ke-25 DBP Cawangan Sarawak, di samping sebagai salah satu program dalam sambutan Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) Peringkat Negeri Sarawak 2002.

Pemilihan Sarawak sebagai tempat berlangsungnya seminar ini mengandungi pengertian besar kerana negeri ini sedang dalam proses kepesatan teknologi maklumat sebagai asas pemantapan ekonominya. Kepentingan ekonomi sebagai asas pembangunan memang tidak dapat dinafikan. Walau bagaimanapun, kepentingan itu seharusnya seiring dengan kepentingan bahasa Melayu yang menjadi jati diri rakyat Malaysia.

Projek ini merupakan salah satu usaha penting DBP Cawangan Sarawak untuk mengukuhkan keyakinan terhadap penggunaan bahasa Melayu di kalangan masyarakat Sarawak. Isu kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang sering diperdebatkan telah membangkitkan kesedaran DBP Cawangan Sarawak untuk membawa para pejuang dan pencinta bahasa Melayu di Sarawak menilai kembali keberkesanannya penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai situasi.

Seminar ini dilaksanakan dengan tujuan sebagai wadah diskusi bagi para pejuang bahasa untuk membincangkan isu-isu bahasa Melayu di Sarawak. Selain itu, pelaksanaannya juga diharap dapat menimbulkan kesedaran dan keprihatinan di kalangan warga sektor awam dan swasta tentang rasional dan keberkesanannya penggunaan bahasa Melayu di sektor-sektor tersebut di samping dapat merencanakan strategi pembinaan dan pengukuhan masa depan bahasa Melayu di Sarawak.

Sembilan buah kertas kerja yang dibentangkan khusus membincangkan isu-isu bahasa Melayu di Malaysia, terutamanya di Sarawak. Kertas kerja pertama bertajuk "Menelusuri Perkembangan Bahasa Melayu

dalam Sistem Pendidikan Negara: Kisah Sejarah dan Islah" oleh Dr. Haji Awang Sariyan. Beliau memerikan perkembangan bahasa Melayu sebagai subjek teras dalam rangka pembinaan generasi yang bersepada dan seimbang, bersesuaian dengan slogan kemanusiaan pendidikan yang melandasi Falsafah Pendidikan Negara. Peralihan paradigma pendidikan bahasa Melayu daripada sekadar subjek yang memberikan kemahiran berbahasa dan maklumat sistem bahasa kepada peranan subjek itu sebagai asas pembinaan pandangan sarwa, nilai, sikap dan pengilmuan generasi muda diberi perhatian yang khas dalam kertas kerja ini.

Kertas kerja Zaini Oje @ Ozea yang bertajuk "Perkembangan Bahasa Melayu di Sarawak" menyorot perkembangan bahasa Melayu dengan tumpuan khusus kepada negeri Sarawak mengikut zaman pemerintahan negeri tersebut dalam konteks masyarakat yang heterogen. Beliau membincangkan 5 zaman perkembangan bahasa Melayu iaitu (i) zaman pra Brunei apabila bahasa Melayu berkembang dengan pesatnya di rantau ini sebagai lingua franca dan mengalami zaman transisinya dengan sedikit pernyataan tentang latar belakang negeri Sarawak; (ii) zaman Brunei apabila kerajaan Brunei memainkan peranannya dalam perkembangan bahasa tersebut; (iii) zaman Brooke apabila bahasa Melayu diwajibkan dalam pemerintahan; (iv) zaman koloni yang memperlihatkan pertukaran bahasa Melayu ke bahasa Inggeris; dan (v) zaman Malaysia dengan termaktubnya dasar bahasa kebangsaan yang diperluas ke Sarawak. Keadaan bahasa Melayu semasa zaman Jepun turut dibincangkan secara sepantas lalu. Beliau menyentuh perkembangan terkini bahasa Melayu pada zaman Malaysia dan era abad ke-21 sebagai penutup kertas kerjanya.

Bagaimana sistem pendidikan dan pengajaran telah memartabatkan bahasa Melayu di Sarawak telah dikupas oleh Jais Sahok. Dalam kertas kerja beliau yang bertajuk "Sistem Pendidikan dan Pengajaran Bahasa Melayu di Sarawak", beliau membincangkan latar belakang, kaedah dan masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Sarawak. Menurut beliau, perjuangan memartabatkan bahasa Melayu di Sarawak merupakan perjuangan yang penuh berliku hasil daripada kejayaan penjajah dalam sistem pendidikan mereka yang begitu mendominasi mentaliti serta cara berfikir rakyat Sarawak. Namun demikian, hari ini kedudukan bahasa Melayu di Sarawak telah hampir sama mantap dan senada dengan arus kemajuan bahasa Melayu di peringkat kebangsaan.

Dalam kertas kerja Jeniri Amir yang bertajuk "Penerbitan Akhbar Bahasa Melayu di Sarawak" beliau menyusurgalurkan sejarah perkembangan akhbar Melayu sejak *Fajar Sarawak* diterbitkan pada 1930 hingga ke

zaman *Utusan Sarawak* masa kini. Jeniri Amir memberi tumpuan kepada faktor sosiopolitik yang menyebabkan akhbar berkenaan diterbitkan dan juga latar belakang kepada faktor-faktor yang menyebabkannya terkubur. Kelemahan dan cabaran akhbar ketika mengharungi alaf baru, terutama dari segi penggunaan bahasa dan peranannya mengangkat martabat bahasa pada masa depan turut dikupas dalam kertas kerja tersebut.

Sementara itu, Haji Hamzah Hamdani dalam kertas kerjanya yang berjudul "Perkembangan Persuratan Melayu di Sarawak Pada Abad 20" mengarap isu yang lebih bersifat menyeluruh tentang dunia persuratan Melayu. Haji Hamzah juga menyertakan senarai buku terbitan Biro Kesusastraan Borneo dari tahun 1962 - 1976 dan buku terbitan DBP Cawangan Sarawak dari tahun 1980 - 2000. Kertas kerja beliau menyingskap pertumbuhan perkembangan persuratan Melayu di Sarawak sejak awal, iaitu pada suku abad terakhir ke-19. Menurut beliau, penemuan buku berjudul *Hikayat Panglima Nikosa Mendapat Kesusaahan Waktu Perang Sampai Mendapat Kemenangan* yang diterbitkan pada zaman Charles Brooke (1868-1917) membawa pengertian Sarawak memiliki khazanah penting dalam pertumbuhan genre novel di Malaysia.

Satu lagi kertas kerja yang juga berkaitan dengan penerbitan ialah kertas kerja Hazami Jahari yang bertajuk "Perkembangan Buku Bahasa Melayu di Sarawak". Melalui kertas kerja Hazami Jahari, beliau menyatakan sebagai salah satu langkah utama membina dan mengembang bahasa Melayu yang dijalankan oleh DBP Cawangan Sarawak ialah melalui penerbitan buku dalam bahasa Melayu. Sepanjang tempoh penubuhannya, iaitu mulai 1977 - 2002, tidak kurang seratus judul buku dalam bahasa Melayu telah diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak. Ternyata, penerbitan buku dalam bahasa Melayu berperanan menyokong kegiatan pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah, kakitangan kerajaan dan swasta serta masyarakat umum di Sarawak.

Tiga kertas kerja seterusnya memberi tumpuan khususnya terhadap agensi yang berperanan aktif dalam pelaksanaan dan pengembangan bahasa Melayu di Sarawak. Ilyas Abdullah dalam kertas kerjanya yang bertajuk "Peranan Kerajaan dalam Pelaksanaan Bahasa Melayu di Sarawak" menerangkan peranan kerajaan dalam memupuk dan mengembangkan penggunaan bahasa Melayu di Sarawak. Fungsi khasnya ini dijalankan melalui penubuhan Unit Bahasa Melayu di Pejabat Ketua Menteri. Dalam kertas kerja ini, beliau menerangkan peranan dan tanggungjawab unit berkenaan dalam merancang, melaksana dan memantapkan penggunaan bahasa Melayu melalui para pegawai kerajaan, dan masalah-masalah yang dihadapi oleh unit ini dalam memenuhi

tanggungjawab tersebut serta penyelesaiannya. Turut dibincangkan oleh Ilyas Abdullah ialah usaha-usaha kerajaan untuk memupuk penggunaan bahasa Melayu di sektor swasta.

Sementara itu, kertas kerja yang bertajuk "Peranan DBP Cawangan Sarawak dalam Perkembangan Bahasa Melayu" oleh Zasran Abdullah menghuraikan peranan DBP Cawangan Sarawak dalam program pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu, program pengembangan dan penyelidikan sastera Melayu sepantas lalu serta program penerbitan bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Beliau turut membincangkan secara terperinci mekanisme dan modus operandi yang membolehkan DBP Cawangan Sarawak memainkan peranannya dalam perkembangan bahasa Melayu di Sarawak.

Dengan kertas kerja yang bertajuk "Peranan Media Elektronik ke Arah Pengukuhan Bahasa Melayu di Sarawak" Saiee Driss mengupas peranan yang telah dimainkan oleh media elektronik, dengan rujukan khusus kepada Radio Televisyen Malaysia (RTM) Sarawak dalam memperkenal dan memperkuuhkan bahasa Melayu di Sarawak. Kertas kerja beliau juga menghuraikan tentang perubahan-perubahan dalam dasar-dasar komunikasi dan media yang telah mengubah fokus kepentingan RTM, sehingga hal ehwal bahasa agak dikesampingkan, dan usaha-usaha untuk memantapkan peranannya dalam memperjuangkan bahasa kebangsaan.

Setelah bersidang dan membincangkan bersama isu-isu penting daripada pembentangan kertas-kertas kerja yang berkaitan, beberapa cadangan dan pandangan penting telah dikemukakan (oleh para peserta). Antaranya ialah harus dinyatakan juga peranan dan sumbangan badan bukan kerajaan (NGO) seperti persatuan penulis (GPPS dll) dalam membincangkan perkembangan bahasa Melayu di Sarawak. Selain itu, istilah 'perkembangan' atau 'kemajuan' yang dikatakan telah dicapai baik dari segi pelaksanaan strategi (oleh DBP, UBM dan agensi-agensi yang berkaitan) mahupun dari segi bahasa itu sendiri harus dirincikan lagi iaitu dalam aspek mana sebenarnya perkembangan dan kemajuan yang dimaksudkan. Malah, adalah menarik jika di masa depan, harus diadakan satu bentuk "Hadiah Bahasa" khusus untuk pegawai kerajaan sebagai satu usaha untuk menggalakkan lagi penggunaan bahasa Melayu di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Harapan besar DBP Cawangan Sarawak semoga pengajuran seminar seperti ini mampu membangkitkan iltizam yang kental dan keyakinan untuk memartabatkan bahasa Melayu. JS

Penyerahan Tanggungjawab Rakyat Terhadap Bahasa Kebangsaan

SAR - m 0101 / 09



YB Datuk Alfred Yap menekan butang menandakan perasmian sambutan BBSN 2002.

Zasran Abdullah

3 SEPTEMBER 2002 membuka tirai Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) 2002. Negeri Sarawak mendahului sambutan BBSN pada tahun ini dengan majlis pelancarannya yang berlangsung di Auditorium Besar Lembaga Kemajuan Bintulu (LKB), yang dianggap sebagai lambang kejayaan Kerajaan Negeri. Jawatankuasa Penyelenggara Bulan Bahasa dan Sastera Negara Peringkat Negeri Sarawak memilih LKB sebagai pusat pelancaran kerana LKB merupakan nadi pembangunan untuk pelbagai ranah atau bidang kehidupan penduduk di Bintulu termasuklah ranah bahasa Melayu.

Sambutan BBSN Peringkat Negeri Sarawak yang bertemakan Bahasa Kebangsaan Kita Tanggungjawab Kita pada tahun ini telah menempa sejarah kerana Jawatankuasa Penyelenggara telah merancang dan melaksanakan 14 kegiatan di Bintulu dan 1 kegiatan di Kuching. Dari segi kekerapan, boleh dikatakan hampir setiap dua hari ada kegiatan bahasa atau sastera yang disertai oleh warga Bintulu. Kesemua kegiatan/acara yang dilaksanakan itu telah dipertanggungjawabkan kepada agensi/jabatan kerajaan yang ketuanya telah dilantik untuk mempergerusikan jawatankuasa kecil sesuatu kegiatan/acara. Alhamdulillah semua ketua agensi/jabatan kerajaan di Bintulu telah menunjukkan kesungguhan dan iltizam yang

tinggi dalam menjalankan kegiatan/acara yang ditugaskan kepada mereka.

Iltizam dan sikap prihatin Residen Bahagian Bintulu, Encik Ubaidillah Abdul Latip dan Pegawai Daerahnya, Encik Ho Thian Huat menjadikan pengendalian BBSN tahun ini lebih mudah dan lancar sekali.

Gimik pelancaran secara digital dengan menggunakan peralatan komputer menjadi detik yang

sangat besar erti bagi seluruh hadirin. Ini menandakan kemajuan yang dicapai oleh bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa teknologi maklumat di negara kita. Sambutan BBSN 2002 bertambah lebih bererti lagi apabila Datuk Alfred Yap, Menteri Muda Pembangunan Perindustrian Sarawak telah berkenan merasmikan majlis pelancaran pada tanggal 3 September 2002. Ketika berucap dalam majlis pelancaran, Datuk Yap menggesa semua pihak untuk melipatgandakan usaha memantapkan perkembangan bahasa dan sastera. Beliau menegaskan bahawa bahasa dan sastera menjadi tunjang yang sangat dominan dalam sesuatu budaya yang membina tamadun dan bangsa bagi umat manusia. Menurut beliau, sejarah telah membuktikan bahawa tamadun yang berkembang maju baik tamadun barat mahupun tamadun timur semuanya bertunjangkan bahasa dan sastera yang dihasilkan oleh anggota masyarakat itu.

Beliau turut menjelaskan bahawa penyebaran luas bahasa Inggeris di dunia itu juga disebabkan oleh kekayaan bahasa dan sastera Inggeris sehingga bahasa ini berjaya menjadi satu daripada bahasa utama di dunia pada masa ini. Beliau menambah bahawa berdasarkan senario perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi di dunia pada masa ini, semua pihak perlu berusaha untuk mewujudkan iklim yang sesuai supaya bahasa kebangsaan kita mampu mewujudkan pelbagai perisian komputer yang dapat memacu bahasa kita memasuki era ini secara gah dan berkesan.

Datu Abang Helmi Tan Sri Abang Ikhwan Zaini, Pengurus Besar LKB turut diberi penghormatan menyampaikan ucapan aluan mewakili Residen Bintulu. Beliau menzhirkan keyakinan bahawa sambutan BBSN 2002 ini berjaya menganjak paradigma anggota masyarakat kita terhadap keampuhan bahasa dan sastera kebangsaan kita dalam usaha pembinaan negara. Tegas beliau bahawa anggota masyarakat kita perlu memperkuuh

persepsi kita terhadap pentingnya bahasa dan sastera kebangsaan sebagai agenda sokongan kerajaan kita untuk membangunkan masyarakat kita, khususnya dari segi membina asas yang kukuh untuk pertumbuhan tamadun dan budaya bangsa yang utuh.

Kegiatan yang berjalan serentak dengan majlis pelancaran ialah pameran bahasa dan sastera di lobi auditorium LKB. Setelah selesainya Majlis Pelancaran, pameran ini dipindahkan ke Dewan Suarah Bintulu dan terus berlangsung sehingga 9 September 2002. Ketika warga Bintulu menyaksikan pameran bahasa dan sastera di Dewan Suarah, karyawan LKB dan beberapa buah jabatan kerajaan pula berpeluang mengikuti Kursus Penataran Bahasa Melayu yang dianjurkan khas untuk memperlengkap pegawai kerajaan dengan ilmu bahasa supaya mereka lebih terampil menggunakan bahasa itu dalam urusan rasmi masing-masing. Kira-kira 40 orang peserta hadir dalam kursus 2 hari itu yang berlangsung pada 4 - 5 September 2002.



Persembahan yang diadakan sempena majlis Penangguhan BBSN 2002.

Orang ramai khasnya penduduk Kampung Jepak datang beramai-ramai ke Dewan Masyarakat Jepak untuk meriahkan Majlis Malam Senandung Puisi pada 15 September 2002. Acara malam itu mengetengahkan pelbagai bakat penyair, penyanyi lagu puisi. Menurut Encik Hazami Jahari, Pengurus Malam Senandung Puisi, orang ramai cukup terpegun dengan keterampilan penyair tempatan dan persembahan khas dari kumpulan seni dari Kuching.

Bengkel Penulisan Kreatif turut diadakan sempena BBSN pada 6 - 8 September 2002. Tetapi Bengkel ini dianjurkan di SMK Bako, Kuching untuk memberikan peluang kepada bakal penulis memperoleh ilmu penulisan agar mereka dapat menjadi terampil dalam bidang penulisan sastera kreatif. Dr. Othman Puteh dan Encik Lim Swee Tin membimbing bengkel 3 hari itu.

BBSN 2002 turut diisi dengan kegiatan yang bersifat pertandingan. Pada 19

September 2002 berlangsung Pertandingan Pidato. Pegawai Kerajaan dari pelbagai jabatan menyertai pertandingan pidato yang menawarkan hadiah wang tunai yang cukup lumayan. Pertandingan pidato ini dirasmikan oleh Y.B. Encik Stephen Rundi, Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Kemaen.

Dalam pertandingan itu tuah menyebelahi Junaidah bt. Hj. Ahad dari Jabatan Kastam Diraja Miri apabila beliau meraih johan dengan hadiah wang tunai yang bernilai RM400.00 piala dan sijil penyertaan. Tempat kedua dimenangi oleh Mohamad Daud bin Ahmad dari LKB manakala tempat ketiga dimenangi oleh Syahrulizan Madian dari Jabatan Perkhidmatan Penerangan Bintulu.

Pada 20 September 2002 para pegawai kerajaan dari semua jabatan berpeluang menghadiri kegiatan yang bernama Ceramah Tokoh di Dewan Milenium Hotel Parkcity Beverly. Kegiatan yang berprestij ini menampilkan tokoh bicara dari Rusia ya Prof. Dr. Victor Pogadaev. Beliau berjaya

menyorot perkembangan perjanjian bahasa Melayu di Rusia dan ini telah menambahkan keyakinan kepada hadirin berkait dengan ke ampuhan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa. Para hadirin sangat asyik dengan cerita beliau yang turut diselitkan beliau dengan puisi Melayu yang diterjemahkan ke dalam bahasa Rusia. Bacaan

puisi Melayu dalam bahasa Rusia ala nyanyian itu cukup menghiburkan hadirin.

Pertandingan Cerita Jenaka pula mengisi acara BBSN pada 23 September 2002. Acara ini berjaya menampilkan bakat yang cukup terserlah daripada warga Bintulu. Para hadirin cukup terhibur dengan cerita yang menggelikan hati.

Bujang Gangang muncul sebagai juara dan beliau meraih hadiah wang tunai yang bernilai RM200.00, hamper dan sijil penyertaan. Hadiah disampaikan oleh Encik Zasran Abdullah yang mewakili Pengarah DBP Cawangan Sarawak.

Pada 24 September 2002 berlangsungnya Forum Bahasa yang menampilkan tiga orang aktivis bahasa yakni Encik Jeniri Amir, Encik Hipani Alwi dan Encik Zasran Abdullah untuk membicarakan tajuk "Bahasa Kebangsaan Kita Tanggungjawab Kita". Forum ini dipengerusikan oleh Dr. Shahri Abdul

... bersambung di halaman 20/

INTRIGUE

Abang Patdeli bin Abang Muhi SAR-mo102/09


MALU aku menjadi anak Amerika! Mungkin kalian tidak mempercayai kata-kataku itu. Aku tidak menyalahkan kalian kalau kalian beranggapan begitu. Kerana aku tahu memang payah untuk kalian mempercayainya. Apatah lagi aku lahir, dibesarkan dan didewaskan di negara yang kononnya paling berkuasa di dunia ini. Dan, mengakui negaranya sebagai negara yang paling demokratik di dunia.

Ya, kalau paling berkuasa di dunia itu, mungkin ya, dan mungkin juga tidak. Kalau paling berkuasa, apalagi kalau gagah perkasa, mana mungkin menara World Trade Centre (WTC) serta kecoh, ranap, dan punah menjadi batu-batu kecil dan abu. 11 September 2001, jam 10.30 pagi ialah tarikh celaka, dan saat paling memalukan negara kami itu. Apalagi yang tinggal melainkan harga diri dan maruah yang tercalar. Mulai saat itu, siapa lagi mahu percaya bahawa negara kami itu; negara yang paling kuat dan berkuasa di dunia. Segala kepercayaan tentang kehebatan dan kejagoan negara kami telah luntur dan lebur menjadi debu.

Biarlah itu menjadi sejarah hitam dalam hidup kami sebagai anak Amerika. Namun, mungkin kalian masih tidak mahu percaya dengan pengakuanku ini. Aku pun tidak pasti juga sama ada aku harus setia kepada negaraku dan tetap berbangga menjadi anak Amerika seperti yang pernah kami lakarkan dan layar lewat filem-filem kami yang hebat-hebat; siapalah yang bisa mendangi kami, apalagi mengalahkan kami kalau benar-benar apa yang kami tayangkan dalam filem-filem kami itu adalah wajah kami yang sebenarnya.

Kalian tentu pernah menonton Independence Day, Rocky, Undersiege, Desert Storm, Universal Soldiers, Saving Private Ryan, Air Force One dan kehebatan kami memusnahkan Hiroshima dan Nagasaki dalam sejarah hitam Perang Dunia Kedua. Tentu sekarang kalian sudah tidak lagi menyantung kehebatan yang kami pamerkan itu. Pasti kalian mengatakan itu semuanya bohong belaka. Paling tidak pun kepercayaan kalian sudah mula luntur terhadap negara kami yang kononnya hebat itu. Tentu ada di kalangan kalian akan mentertawakan, malah berkata: Padan muka Amerika! Memang oleh kalian gambung sangat!

Aku tidak menyalahkan kalian kalau kalian sudah mula bertanggapan begitu, kerana aku sendiri pun sudah mula luntur semangat nasionalismeku terhadap negara kami itu, Amerika! Tentu ada antara kalian menuduh aku penderhaka atau pengkhianat negara hanya kerana aku tidak menyokong

*Kelana Akira*

tindakan pemerintah kami yang kejam dan tidak berperikemanusiaan itu. Atau, kalian mahu aku terus menjadi hipokrit hanya semata-mata kerana mahu terus setia kepada pemerintah kami yang sudah ternyata bobrok, kejam dan tidak berperikemanusiaan itu atas dasar kesetiaan kepada bangsa dan negara. Terserahlah kepada kalian, kerana itu adalah kebebasan dan hak peribadi kalian.

Ya memang betul, saat ini aku sungguh malu menjadi anak Amerika. Apa, kalian masih tidak mahu percaya? Atau, kalian mahu aku keluar dari Amerika dan tinggal di negara kalian semata-mata untuk membuktikan bahawa aku malu menjadi anak Amerika. Sebenarnya aib aku sudah mula memuncak sejak 11 September yang lalu. Malah dari dulu pun aku tidak berapa suka dengan tindakan agresif, angkuh dan kurang ajar pemerintah kami.

Pemerintah kami sebenarnya angkuh, dan keangkuhan itulah yang menghancurkannya; mereka lupa bahawa ada kuasa lain yang lebih berkuasa. Mereka lupa bahawa keangkuhanlah yang banyak membawa kehancuran dan kecelakaan di muka bumi ini. Sejarah dunia telah banyak membuktikannya. Tidak perlulah aku berkuliahan kepada kalian tentang sejarah kejatuhan kerajaan-kerajaan yang angkuh di dunia. Kalau kalian masih tidak tahu tentang itu, itu salah kalian sendiri. Makanya, kalian harus belajar lagi tentang sejarah, dan yang paling penting, belajar daripada sejarah.

Tapi, aku lahir, membesar dan mendewasa di sini, dan mungkin aku mati di sini

atau di negara kalian, atau di mana juga; kerana kematian adalah rahsia Tuhan. Dendam kesumatku terhadap pemerintah kami sudah sekian lama membengkak di dadaku. Cuma menunggu saatnya untuk meletup, dan membukak. Tentu kalian tidak lupa tentang sejarah Melaka; kerana dendam Hang Jebat terhadap kezaliman Sultan Mahmud yang menitah bunuh Hang Tuah tanpa usul periksa, dan tanpa meneraca barang sedikit pun jasa dan budi Hang Tuah kepada baginda Sultan dan tanah Melaka, akhirnya Jebat memberontak, dan sejak itulah pemerintahan dan ketuanan Melayu semakin goyah dan mula dilanda malapetaka. Akhirnya, jatuhlah Kerajaan Melaka sehingga tidak bersultan lagi.

Maafkanlah aku kerana mengingatkan kalian tentang sejarah kalian sendiri. Tapi, kalau kalian tidak membaca sejarah kalian sendiri, anak bangsa jenis apa kalian itu? Aku telah lama membaca sejarah kalian, dan belajar tentang sejarah kalian. Tentang sejarah bangsaku sendiri pun sudah aku hafaz, dan aku memang sudah faham benar hati perut kaum sebangsaku. Memang bangsaku hebat; kami tekun belajar. Kami tidak pernah leka untuk mencari dan mencipta ilmu. Kami sememangnya kaya dengan ilmu, tapi itu hanya untuk dunia dan keduniaan semata-mata. Kerana kaya ilmu itulah, barangkali, bangsaku menjadi lupa dunia dan lupa akan kuasa Tuhan.

Apa, setelah sekian banyak yang aku perkatakan masih belum menyakinkan kalian

bahawa aku malu menjadi anak Amerika? Apa, kalian mahu aku menembak saja Presiden kami yang angkuh lagi berhati perut syaitan itu. Tentu kalian akan mengatakan aku juga tidak berhati perut. Tentu aku tidak ada bezanya dengan pemerintah kami yang tidak berhati perut itu; yang mengganas dan membunuh sewenang-wenangnya, hanya kerana mereka ada kuasa untuk melakukannya. Apa kalian mahu aku menunjukkan kuasa seperti pemerintah kami lakukan di atas bumi Afghanistan itu atau seperti yang pernah mereka lakukan di Iraq?

Habis, apa lagi yang bisa orang yang kerdiil seperti aku lakukan. Aku, dan banyak lagi orang seperti aku, hanya mentimun, menggolek luka, digolek lagi bertambah luka. Aku golongan marhaen; tidak punya kuasa - baik kuasa politik, ekonomi, wang, pakar atau kuasa menghukum. Aku hanya ada mulut, dan dengan mulut itulah aku cuba berjihad dengan caraku sendiri. Aku cuma ada tangan, dan dengan tangan itulah aku menulis dengan harapan dapat memanusiakan manusia, atau dalam konteks dunia sekarang ini, mendemokrasikan demokrasi di negara demokrasi. Ya, memang aku ada hati, dan dengan hati itulah aku berdoa agar pemerintah kami yang kejam dan tidak berperi-kemanusiaan itu akan dimusnahkan oleh kuasa Tuhan.

Tentulah kalian menyangka yang aku tidak setia kepada negara dan perlembagaan Amerika. Pasti kalian menghendaki aku sebagai rakyat Amerika harus patuh dan tunduk takluk kepada pemerintah kami, walau sekejam dan sezalim manapun mereka. Dari satu segi memang aku patut setia kepada negara dan pemerintah kami. Tapi, aku sudah malu menjadi anak Amerika. Malunya bukan kepalang lagi. Tidak pernah aku sebagai anak Amerika berasa semalu ini. Ya, malu, malu benar!

Janganlah kalian menyangka yang bukan-bukan. Apalagi menyangka semua anak Amerika menyokong tindakan pemerintahnya yang mengebom sesuka hatinya bumi Afghanistan atau menyerang Iraq pada suatu ketika dahulu, dan juga bertindak berat sebelah terhadap tindakan Yahudi bertindak ganas terhadap rakyat dan bumi Palestin. Dan, setuju dengan tindakan mereka menindas-nindas Cuba, Mexico, Russia dan entah negara manapun yang cuba dikuasainya. Aku, setidak-tidaknya, langsung tidak berkenan dengan tindakan ganas pemerintah kami itu. Kalaualah kalian juga berpandangan begitu, ya, aku memang tidak hairan. Memang patut pun kalian berpandangan begitu.

Tapi, kalian tidak harus menyalahkan pemerintah kami atau bangsa kami sahaja dalam hal merestui keganasan dilakukan terhadap orang Islam dan nusa orang Islam. Bangsa, negara dan pemerintah Islam sendiri juga harus dipersalahkan. Cuba kalian imbas kembali apa yang telah dilakukan oleh OIC apabila Iran berbalah dengan Iraq, dan apabila Amerika dan Britain menceroboh Iraq.

... bersambung di halaman 8/

... dari halaman 7/

Dalam kes pertama, mereka menyokong Iran, dan dalam kes kedua mereka menyokong Amerika dan Britain untuk mengganas di bumi orang Islam. Dan sekarang, apabila Amerika dan Britain kembali mengganas di Afghanistan, OIC membisu sejuta bahasa, bungkam tidak berkata dan berbuat apa-apa. Kalau tidak ada kuasa tentera yang setanding dengan negara kami dan sekutunya pun, beranikan diri untuk bersuara, kendati suara itu hanya sayup-sayup kedengaran; sekurang-kurangnya tunjukkan rasa simpati dan empati terhadap bangsa dan nusa seislam. Ini tidak, langsung tidak berkata dan berbuat apa-apa. Jadi apa guna organisasi sedemikian rupa; untuk melaungkan metafora dan retorik politik yang muluk-muluk sahaja? Nah, sekarang kalian hendak menyalahkan siapa lagi?

Kalau OIC yang kohnonya menyatukan semua negara Islam dan berjuang mempertahankan hak serta menjaga kepentingan orang-orang Islam dan negara Islam itu sudah tidak berkata dan berbuat apa-apa, apalagi yang harus kalian harapkan aku sebagai rakyat Amerika yang kerdil ini. Kalau OIC sudah naif dan daif, apalagi kami segelintir anak Amerika yang ikut bersimpati dan berempati dengan saudara seislam kami yang ditindas dan dibunuh sewenang-wenangnya. Bukan-kah berkali-kali aku sebut, aku dan teman-teman yang sehaluan denganku, hanya ada mata untuk melihat, telinga untuk mendengar, mulut untuk berkata-kata, dan hati untuk berdoa. Mujurlah Tuhan anugerahkan sekelumit bakat dan ilham, dapat juga kami menulis; berjuang melalui mata pena yang sepatutnya tajam, tapi ada kalanya semakin tumpul dan tidak berbisa lagi.

Nescaya ramai yang berhujah bahawa dunia, khususnya dunia Islam, memerlukan suara yang kuat dan lantang demi mengingatkan kita semua bahawa dunia Islam itu lebih daripada sekadar satu agama dan satu matlamat hidup. Kita memerlukan suara-suara itu bagi mengabsahkan bahawa masa depan dunia kita bergantung kepada kemajuan dan kesungguhan, keimanan dan keikhlasan kita, akaliah dan hati kita. Aku ingin menjadi satu daripada suara itu, dan kalian harus yakin bahawa aku harus didengari, kendati aku sudah menjadi malu menjadi anak Amerika; satu bangsa dan negara yang pernah kalian sanjung, dan yang pernah kalian jadikan kayu pengukur kemajuan dan kemodenan zaman ini.

Aku dan kalian juga mesti ingat, harus ada seseorang yang akan mengepalainya. Tapi, seperti yang lumrahnya, tiada satu negara pun mahu memikul tanggungjawab itu, dan kalau ada yang mahupun, kepimpinan demikian tidak akan diterima. Kenapa? Kerana konflik kepentingan, dan masing-masing ada agenda politik tersendiri. Mungkin juga ada *intrigue* tersendiri. Siapa tahu? Masing-masing pula mahu menjaga kepentingan kendiri. Oh ya, teringat aku akan kisah yang ironi dalam Animal Farm, satira karya George Owen yang tersohor itu: *All*

animals are equal, but there are some animals who are more equal than other animals. Realitinya samalah seperti keadaan kita orang Islam sekarang ini: we are all equal and if some are more equal than the others they must at least have the decency not to show it.


Kalian mungkin sudah tahu benar atau masih naif tentang negara kami. Sekali gus inilah menyebabkan aku sedikit pun tidak mempercayai para pemerintah kami itu. Mereka kohnonya memperjuangkan *global society*, masyarakat sejagat yang adil, makmur dan sejahtera. (*Intrigkan?*) *global society* itu, tahukah kalian apa yang mereka maksudkan Bagi para pemerintah kami itu, dan sekutunya yang licik lagi menjijikkan itu: *global society is still a society of nation-states, and a world of nation-states it is power that counts. Preparedness for war, and sustaining of military strength necessary elements of the role of states in the international.*

Nah, dengan ideologi dan falsafah demikian adanyalah pemerintah kami menunduk takluk negara dan bangsa lain dengan apa cara sekalipun, asalkan matlamat yang mereka rancangkan tercapai.

Memang, memang aku cukup malu kerana pemerintah kami ialah pemerintah yang *stubborn*, angkuh, penyibuk dan hipokrit. Kami golongan marhaen Amerika ini memang tidak akan berasa hairan barang sedikit pun jika anti-Americanisme kian membuka dan membakar hati setiap insan yang percaya akan kesejahteraan dunia swajagat. Sebaliknya pemerintah kami, atau mana-mana pemerintah pun, bahawa mereka tidak kebal kritikan dan bukan lali kebencian. Tapi, sudah dasar pemerintah tidak tahu malu, manalah mereka peduli semua kritikan atau cemuhan orang.

Setelah sekian banyak yang aku perkatakan, apa kalian masih tidak mahu percaya bahawa aku malu menjadi anak Amerika? Atau kalian sememangnya mahu aku akur sahaja dengan segala kekejaman dan kezaliman yang dilakukan oleh pemerintah kami yang kohnonya mendukung demokrasi tulen itu? Kalau kalian berfikiran begitu, kalian juga bersubahat dengan keganasan dan kezaliman. Orang yang bersubahat sama sahaja; tidak ada bezanya dengan melakukan keganasan dan kezaliman itu sendiri. Maka, kalau hukumannya mengganas dan menzalimi orang yang tidak berdosa itu, neraka balasannya, tentulah yang bersubahat itu juga akan masuk neraka. Kalian tentu takut dengan balasan neraka, dan kalau kalian tidak berasa takut, bertaubatlah kalian cepat-cepat, takut nanti kalian tidak sempat. Jangan kalian cuba mempersendakan hukum Tuhan. Kalau kalian sakit hati dengan seterus seislam kalian pun, janganlah babitkan agama mereka. Dan, jangan persendakan soal agama kerana permusuhan kalian itu.

Ah, apalah gunanya aku yang sudah malu menjadi anak Amerika berkutbah tentang syurga dan neraka. Bukanakah syurga neraka itu urusan Tuhan? Ya, memang benar itu



urusian Tuhan, tapi Tuhan telah tunjukkan petanda-petanda orang yang akan masuk syurga dan mereka yang akan menghuni neraka jahanam; yang itu janganlah kalian lupa! Kalian tentu hairan, aku yang sudah malu menjadi anak Amerika ini, tiba-tiba bercakap tentang syurga dan neraka, dan berceramah tentang nilai moral yang tinggi; masih mempunyai harga diri untuk bercakap soal moral dan perihal kebenaran.

Ya, memang aku anak Amerika, tapi aku bukan anak Nasrani, Majusi atau Kristian; Islam agamaku, kepercayaanku dan hidup matiku. Aku bukannya anak Amerika yang kebetulan lahir dalam keluarga Islam, atau kerana nenek moyangnya Islam. Aku anak Amerika yang mendalamai ilmu Islam, faham akan Islam dan patuh kepada semua suruhan Islam. Cuma aku malu menjadi anak Amerika kerana pemerintah kami yang ganas, kejam dan zalim. Malah, aku lagi malu kerana ada orang dan negara Islam yang tidak berkata dan berbuat apa-apa untuk membantu saudara dan negara seislamnya yang diserang, ditindas, diadu-domba, dibunuh dan diperbudak oleh orang dan negara bukan Islam. Apalagi kalau ada orang Islam dan negara Islam yang menyokong, dan bersekongkol melakukan keganasan dan kezaliman terhadap orang Islam. Aku tidaklah berharap orang dan negara Islam berperang dengan negara kami dan sekutunya. Tapi, carilah jalan untuk membantu umat Islam dan negara Islam yang memerlukan pertolongan.

Apa, kalian masih mahu aku tidak perlu malu menjadi anak Amerika? Harus bagaimana lagi aku mahu meyakinkan kalian? Aku bukannya pendusta, kerana aku tidak mau

menjadi munafik. Kalian juga tentu tidak mahu menjadi munafik atau dalam istilah Inggerisnya hipokrit. Ya, kalau memang Amerika, bila khusus pemerintah kami, sudah bobrok, sudah gawat moralnya, sudah disyaitani intrig, apa lagi yang mahu aku banggakan menjadi anak Amerika?

Tapi, untuk langsung tidak berbar menjadi anak Amerika tentulah tidak wajar. Justeru aku masih juga ada sekelumit rasa bangga menjadi anak Amerika. Namun, menjadi anak Amerika yang Islami; bukan anak Amerika yang serba gah dan tersohor dengan kemodenan dan kecanggihan teknologinya, tapi menggunakan untuk membinasakan manusia, dan memperkosa nilai kemanusiaan sejagat.

Kalian tentunya belum pasti mahu percaya akan pengakuan aku ini. Tidak mengapalah kalau kalian ingin terus berprejudis demikian adanya. Waima apa pun, tentu kalian masih ingat, tadi aku menyebut soal *intrigue* iaitu sama dengan tipu muslihat, tipu helah, kelicikan yang penuh rahsia demi untuk menjahanamkan orang, bangsa, agama atau negara lain. Pokoknya, niatnya jahat, dan seburuk-buruknya muslihat.

Negaraku yang bernama Amerika itu, pemerintahnya memang penuh intrig; biar siapa pun yang akan menjadi presidennya. Kalau sudah dasar ‘syaitan berjiwa “*intrigue*”, tetap jahatlah mereka itu. Pasti kalian menuduh aku keterlaluan apabila mencetuskan kasus ini. Atau menuduh sedemikian sadis. Terserahlah! Tapi, aku tetap mahu bicara tentang kasus ‘*intrigue*’ ini.

Pengiktirafan yang molek



Dari kiri Abizai, Dharmawijaya, Abang Patdeli, Mohd. Saleeh Rahamad dan Awangku Merali.

Arifah rh SAR-M0103/09

UNTUK kesekian kalinya, Majlis Penyampaian Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2000/2001 telah sempurnakan di Hotel J.W. Marriot, Kuala Lumpur pada 2 Oktober 2002 yang lalu, sekali gus menobatkan karisma kepengarangan dua orang penulis Sarawak ke taraf kesusasteraan berprestij.

Menurut Haji Hamzah Hamdani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak, Hadiah Sastera Perdana Malaysia merupakan pengiktirafan kedua terkelas selepas Anugerah Sastera Negara. Maka, pencapaian yang cemerlang tersebut wajar dihargai sekali gus dialu-alukan. Oleh itu, sebagai citra pengangkat martabat kesusasteraan kreatif tempatan, DBP Cawangan Sarawak telah merealisasikan sebuah majlis yang cukup bermakna impaknya, yakni Majlis Penghargaan Penulis Sarawak bagi meraikan Pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2000/2001 di sebuah hotel terkemuka di bandar raya Kuching pada Oktober yang lalu.

Kumpulan Puisi *Membentuk Elok di Teluk Esok* (MEDTE) terbitan DBP (2001) naskhah Zainal Abidin Suhaili atau Abizai, telah dipilih untuk menerima hadiah bernilai RM10,000.00 bagi kategori A : buku. Manakala kategori B : cerpen eceran pula, Tanjung, dan Tuan Direktur Bikin Filem Di Mallywood karya Awangku Merali Pengiran Mohammed layak menerima hadiah bernilai RM1000.00 setiap satu judul.

Nyata kejayaan tersebut mempersaksikan kredibiliti wacana karya-karya penulis Sarawak kini masih bertenaga dalam mengharung getir kreatif kesusasteraan zaman berzaman. Pastinya juga, sejarah keunggulan wahana dari Sarawak lestari berlanjutan. Maka, isu sastera di Sarawak lesu yang dibangkitkan sedikit masa lalu sudah tidak relevan lagi.

Majlis kian bererti apabila arena Diskusi Karya turut disisipkan dengan penampilan dua orang pembicara yang cukup terserlah kewibawaannya, yakni Datuk Prof. Kamaruzzaman A. Kadir (Dharmawijaya) dan Encik Mohd. Salleh Rahamad. Kedua-dua pembicara tersebut mempunyai wibawa yang cukup versatil.

Antara lain, sesi apresiasi karya tersebut disempurnakan bagi mengurai selirat wacana yang tersirat dalam wadah kreatif tersebut agar dapat dikongsikan bersama. Diskusi ini amat signifikan sifatnya dalam menelusi hakikat jati diri kepengarangan yang berkarsma. Dalam makna lain, ia seolah-olah suatu refleksi hasrat yang cukup bernilai tinggi, yakni agar sejarah pengiktirafan ini akan berulang.

Dharmawijaya menyifatkan MEDTE sebagai karya yang sarat elemen-elemen kesejagatannya. Kekuatan fizikal puisi beliau pula terletak pada kebijaksanaannya dalam merangkai susunan perulangan asonansi dan aliterasi. Begitu juga

dengan ketepatan dalam pemilihan diksi yang serasi dengan tuntutan wacananya yang bersahaja, tapi mempunyai nilai rasa yang seimbang dan mantap. Ketepatan pemilihan judul naskhah (MEDTE) juga menampakkan kekuatan yang ampuh. Judulnya refleksi telus keseluruhan naskhah tersebut di mata audiens.

Idiosinkrasi jati diri perpusian Abizai juga cukup terserlah. Maka yang demikian melayakkan beliau mencapai apa yang ada kini. Selain itu, puisi-puisi Abizai (setakat yang terserlah dalam MEDTE), nyata merefleksikan beliau sebagai penyair yang humanis dan moralis.

Mohd. Salleh Rahamad pula menyifatkan cerpen Tanjung, dan Tuan Direktur Bikin Filem Di Mallywood sebagai karya yang sarat nilai-nilai falsafah pengarangnya. Refleksi idealisme pengarang cukup terserlah. Audiens pula wajar membekali diri dengan ilmu bantu yang banyak jika mahu menaakul cerpen-cerpen tersebut. Mengapresiasi cerpen Tanjung benar-benar menuntut ketajaman mata fikir. Ia mengandungi metafizik yang jitu. Tanjung antara lain mengungkapkan hasrat pengarang yang ingin membina negara sendiri tapi direfleksikan dalam bentuk sebuah taman. Taman yang mampu membentuk jati diri dan peradaban bangsa (Melayu) terbilang. Tanjung seolah-olah karya yang bersifat historikal, tapi tidak berpaut pada hakikat fakta. Ia melambangkan ketelusan genre kesusasteraan kreatif.

Cerpen Tuan Direktur Bikin Filem Di Mallywood pula, mengangkat kredibiliti watak utamanya dalam memperjuangkan idealisme prinsip peribadi dengan kehendak penerbit filem tempatan (Melayu). Walaupun agak klise, tapi tetap berisi revolusi pemikiran dalam watak Tuan Direkturnya.

Nyatanya, sebagai audiens, kita tidak pun diberi peluang untuk menggugah idealisme pengarang berhubung kenapa sebab akibat ataupun penyelesaian karyanya begitu. Justeru melalui dialog salah satu watak dalam cerpen tersebut, kita temui kata-kata seperti berikut:

"Jangan gemar bertanya kerana ia menampakkan kemalasan kita untuk berfikir."

Walau bagaimanapun, Awangku Merali berjaya mengubah tradisi gaya penulisan cerpen tempatan dengan menggarap karya-karya yang tidak berpaut pada gaya konvensional. Beliau juga merupakan cerpenis yang kerap mencerna mesej, dan kritikan sinis yang berwajah semasa dan relevan dengan kehidupan masyarakat.

Nyatanya, usaha-usaha pengkaryaan Abizai dan Awangku Merali antara teladan terbaik dalam membina idiosinkrasi kepengarangan. Selain itu, ia seolah-olah mengilustrasikan kepada penulis muda bahawa mengkhususkan satu genre yang bersesuaian dengan karisma diri adalah pilihan yang terbaik jika mahu mencapai yang terbaik. Kerakusan memonopoli semua genre adalah kesalahan kecil tapi meninggalkan impak yang cukup besar.

Rumusnya, Majlis Penghargaan Penulis Sarawak tersebut walaupun tampak sederhana, namun amat molek bagi menyedarkan kepada khalayak bahawa dunia kesusasteraan di Sarawak masih bertenaga dalam mendepani kebangkitan gelombang zaman yang kian materialistik. Kalungan tahniah, dan rangkaian syabas kepada Abizai dan Awangku Merali Pengiran Mohammed. JS

MEMPERKUKUH PENGGUNAAN BM



Datu Salleh Sulaiman bersalaman dengan para peserta kursus semasa perasmian kursus.

SNR-M010

Haji Shantrol Abdullah SAR-M010 4/09

SELAMA hampir setengah abad, pelbagai usaha telah dilakukan untuk membina, memperluas dan memperkukuh penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa moden, bahasa ilmu dan bahasa yang digunakan dalam semua aspek kehidupan masyarakat di Malaysia.

Sejarah dalam usaha untuk membina dan memperkukuh kekuatan penggunaan bahasa Melayu kepada pelbagai lapisan masyarakat maka pada 21 hingga 23 Ogos 2002 yang lalu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak telah mengadakan Kursus Pembentukan Pegawai Bahasa.

Kursus yang berlangsung selama tiga hari itu membabitkan seramai 30 pegawai dari pelbagai jabatan/agensi kerajaan negeri Sarawak. Pengajian kursus tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kepentingan pegawai bahasa tentang tatabahasa di samping untuk meningkatkan kepekaan pegawai bahasa dalam menangani kemosykilan bahasa yang timbul serta untuk mempererat hubungan silaturrahim di kalangan pegawai bahasa dari seluruh Sarawak.

Majlis Perasmian kursus tersebut telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Datu Salleh Haji Sulaiman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak merangkap ahli Lembaga Pengelola DBP. Dalam ucapan perasmian kursus tersebut, Datu Salleh Sulaiman berharap agar para pegawai bahasa yang dilantik perlu memperkuat iltizam mereka untuk ikut serta dalam gerakan meningkatkan citra bahasa kebangsaan kita dan melaksanakan penggunaannya dengan baik dan betul secara lebih meluas dalam sektor awam dan swasta.

Tambahnya, penghasilan korpus bahasa yang lengkap dan mantap seperti ratusan ribu istilah dalam pelbagai bidang ilmu, kamus lengkap bahasa Melayu, kamus istilah pelbagai bidang ilmu, tatabahasa piawai serta penerbitan ribuan judul buku berbahasa Melayu termasuk dalam elektronik telah diusahakan.

Usaha sebegini menurutnya dilakukan bagi memastikan bahasa Melayu dapat mengungkapkan pelbagai bidang ilmu serta menjadi salah satu bahasa komunikasi rasmi dan bahasa perdagangan dalam negara dan antara negara di rantau ini. Manakala majlis penutupan kursus tersebut telah sempurna dilakukan oleh Yang Berbahagia Abang Affendi Abang Annuar, Pengarah Bahagian Pentadbiran Am, Jabatan Ketua Menteri. JS

Syarahan Ketua Menteri Sarawak



Dari kiri Dato' Sri Adenan Hj. Satem, Dato' Rahim Bakar dan Abang Affandi sewaktu perasmian majlis.

Zasran Abdullah

SAR-M0105/09

SE BAGAI tanda penghormatan dan rasa terima kasih terhadap sumbangan Y.A.B Tan Sri Datuk Patinggi (Dr.) Haji Abdul Taib Mahmud dalam usaha beliau untuk memartabatkan bahasa Melayu di Sarawak, pada 23 Oktober yang lepas DBP Cawangan Sarawak dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran Am, Jabatan Ketua Menteri telah berjaya mengadakan Syarahan Ketua Menteri Sarawak di Hotel Holiday Inn, Kuching.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh ahli politik Sarawak, ahli profesional, ahli korporat, ahli akademik dan ketua-ketua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan itu telah disempurnakan perasmianya oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sarawak Yang Berhormat Dato' Sri Haji Adenan Haji Satem yang mewakili Y.A.B Tan Sri Datuk Patinggi (Dr.) Haji Abdul Taib Mahmud.

Syarahan Ketua Menteri Sarawak tersebut merupakan aktiviti yang telah dirancang serta tercetus sewaktu kunjungan hormat terhadap Y.A.B Ketua Menteri Sarawak pada 12 Januari 2001 yang lalu. Pengaturan syarahan ini adalah bermatlamat untuk meningkatkan apresiasi terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu serta menanam minat berbicara ilmiah dalam bahasa Melayu.

Selain itu syarahan ini juga adalah sebagai landasan untuk menjana pelbagai idea dan langkah yang konkret di kalangan ahli politik, ahli profesional, ahli korporat dan ahli

akademik dalam upaya mereka untuk memperkuat bahasa Melayu dalam semua bidang sejarah dengan tuntutan zaman.

Sementalahan itu, Y.Bhg. Dato' Rahim Abu Bakar yang merupakan tokoh pemidato jemputan untuk menyampaikan syarahan pada majlis tersebut. Sewaktu menyampaikan syarahan yang bertajuk Bahasa Melayu Sebagai Tonggak Negara Bangsa Dalam Gelombang Globalisasi beliau berkata, salah satu tantangan yang pada hemat beliau yang menghambat kelancaran pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan kita ialah krisis keyakinan yang melanda beberapa golongan dalam masyarakat, termasuk golongan definitif yang terlibat dalam penetapan dan pelaksanaan dasar.

Krisis keyakinan itu tambahnya, menjadi "ibu masalah" kepada sekian banyak masalah lain yang berkait dengan pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Sebagai contoh katanya, apabila dari masa ke masa timbul idea untuk menggantikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu dengan bahasa lain. Hal sebegini sebenarnya membayangkan krisis keyakinan yang parah terhadap kemampuan bahasa Melayu itu sendiri.

Selanjutnya krisis keyakinan itu terpancar juga dalam amalan yang berlaku di pelbagai institusi pentadbiran awam dalam hal pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan khususnya tentang penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi seperti yang diperuntukkan dalam perlumbagaan.

Menurut beliau juga, kesan globalisasi versi kini terhadap nasib bahasa Melayu dapat dilihat dari beberapa segi. Aspek yang terpenting, pada pandangan beliau ialah jangkauan fungsi bahasa Melayu sebagai wahana penyampaian maklumat yang pasti tercabar oleh sebab dominasi bahasa lain yang menjadi alat proses globalisasi itu sendiri.

Ujarnya juga, kita patut akui secara jujur bahawa pada waktu ini bahasa Inggerislah

yang tampaknya cukup dominan sebagai bahasa penyampaian maklumat dalam pelbagai ranah atau bidang kehidupan, daripada hal-hal yang berkait dengan peralatan, kesenian, hiburan, ilmu pengetahuan kepada bidang teknologi, ekonomi, politik dan yang lain-lain lagi, walaupun ada laporan yang menyebut bahawa semakin banyak tapak jejaring berbahasa lain yang muncul. Segala maklumat itu masuk ke dalam budaya kita melalui bahasa Inggeris.

Sesiapa sahaja menurutnya yang melayari internet, baik ia orang dewasa maupun kanak-kanak, pasti memperoleh hampir semua maklumat yang dicarinya melalui

selama ini menjamin kedaulatan dan keselamatan entiti politik tertentu.

Kini segala-galanya dapat masuk tanpa kawalan dan tapisan imigresen atau kastam. Sentuhan hujung jari pada papan kekunci komputer peribadi saja sudah cukup untuk kita menerima apa-apa sahaja maklumat daripada sumber di seluruh dunia. Demikianlah, apabila kehidupan sebilangan besar kita kelak banyak berkait dengan dan bergantung pada sumber maklumat melalui cara sedemikian, pasti akan kuranglah kebergantungan kita kepada bahasa kita sendiri yang selama ini menjadi wahanan komunikasi terpenting untuk kelangsungan hidup kita ",



Sebahagian daripada tetamu jemputan yang hadir.

bahasa Inggeris. Perisian komputer yang leluasa di pasaran pun sebilangan besarnya dalam bahasa Inggeris. Singkatnya, dalam keadaan bahasa Inggeris begitu dominan dan bahasa Melayu pula baru bertarikh memasuki alam teknologi maklumat, sukar untuk kita meyakinkan diri kita sendiri bahawa tidak ada kesan globalisasi terhadap pengurangan atau penyusutan wibawa dan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa moden, meskipun dalam bentuk media lain, seperti media cetak dan media elektronik radio dan televisyen bahasa Melayu masih jelas berfungsi dengan meluas.

Menyentuh aspek globalisasi pula Dato' Rahim berpendapat isu ini sering dipertalikan dengan hipotesis wujudnya sebuah desa sejagat, iaitu dunia tanpa sempadan. Proses itu menurutnya lagi telah dengan sendirinya memerlukan kita membuat takrif atau definisi semula tentang konsep sempadan. Pemisahan, pengasingan dan sekali gus kedaulatan sesuatu negara dan bangsa yang dahulunya hampir secara mutlak ditandai oleh sempadan geopolitik, kini sudah mula kelihatan tidak relevan lagi. Rempuan globalisasi yang tidak bergantung pada variabel batas fizikal, sebaliknya melalui alam maya, dengan sendirinya meruntuhkan sekian banyak sistem kawalan kenegaraan yang

tambahnya.

Di akhir bicara syarahan tersebut Dato' Rahim, mengingatkan supaya setiap warga Malaysia yang cintakan bahasa dan budaya kebangsaan agar sentiasa memenuhi peluang dan mengisi segala lompatan yang ada dan juga untuk senantiasa mengerakkan apa-apa jua usaha menjadikan bahasa Melayu tetap utuh dan sesuai sebagai tonggak negara bangsa dan tamadun kita. JS

**Selanjutnya krisis
keyakinan itu terpancar
juga dalam amalan yang
berlaku di pelbagai institusi
pentadbiran awam dalam
hal pelaksanaan Dasar
Bahasa Kebangsaan
khususnya tentang
penggunaan bahasa Melayu
sebagai bahasa rasmi
seperti yang diperuntukkan
dalam perlumbagaan.**

Hari Kualiti DBP Cawangan Sarawak

Azhar Md. Dora SAR-mo106/09

HARI Kualiti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak disambut pada hari Isnin, 4 November 2002 di Balai Budaya. Majlis sambutan yang bertemakan Kualiti Cemerlang Organisasi Gemilang telah dirasmikan oleh Tuan Haji Hamdan b. Yahya Pengarah Jabatan Sastera DBP yang mewakili Ketua Pengarah DBP Malaysia.

Turut hadir sebagai tetamu kehormat ialah Encik Mohd. Amin Abdullah, Pengarah Pentadbiran dan Kewangan DBP, Encik Kamarulzaman Saharudin, Pengarah Bahagian Dasar dan Pembangunan Korporat DBP dan Encik Kusni Ahad, Pengurus Bahagian Personel DBP. Selain warga DBP Cawangan Sarawak dan Dawama Sdn. Bhd., majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta, para penggiat bahasa dan sastera serta anak-anak seni di Bandaraya Kuching.

Sambutan Hari Kualiti pada tahun 2002 ini menampilkan sedikit kelainan, baik dari segi konsep hiasan latar pentas mahupun atur cara majlis. Konsep latar pentas yang ringkas dan kreatif dengan lukisan daun lontar besar berwarna hijau yang melambangkan logo

DBP serta lambang huruf Q bersaiz besar terletak di puncak daun lontar melambangkan komitmen DBP Cawangan Sarawak untuk terus mendukung usaha menjadikan kualiti sebagai terus kecemerlangan dan kegemilangan organisasi. Konsep, idea dan pembikinan latar pentas ini telah diilhamkan dan diusahakan oleh staf Unit Pentadbiran.

Dalam ucapan alu-aluannya, Tuan Haji Hamzah Hamdani merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada warga DBP Cawangan Sarawak yang bertungkus lumus menjayakan Hari Kualiti 2002 serta menegaskan komitmen pihak pengurusan Cawangan Sarawak untuk terus memastikan perjuangan bahasa dan sastera kebangsaan berteraskan nilai-nilai kualiti dan kecemerlangan.

Selain ucapan beliau, ucapan perasmian dan amanat Ketua Pengarah DBP yang disampaikan oleh Tuan Haji Hamdan Yahya juga menegaskan tentang pentingnya warga DBP menjadikan kualiti sebagai budaya kerja dan pemikiran dalam setiap aspek pelaksanaan tugas.

Sebelum itu, majlis dimulakan dengan persembahan kumpulan koir di bawah bimbingan Encik Abg. Haliman Abg. Julai. Para tetamu yang hadir kemudiannya dipertontonkan persembahan Video Khas Kembara Bahasa dan Sastera (KBS) Negeri Sarawak yang telah diadakan pada bulan September 2002. Projek KBS 2002 ini merupakan antara kegiatan bahasa dan sastera DBP Cawangan Sarawak tahun 2002 yang

begitu menonjol, serta berjaya mengangkat citra DBP dalam mendaulatkan bahasa dan sastera Melayu di Bumi Kenyalang. Para hadirin seterusnya berpeluang mendengar penerangan ringkas dan padat tentang penubuhan Jawatankuasa Kerjasama Bahasa dan Sastera Bahagian Negeri Sarawak oleh Encik Hazami Jahari, Ketua Unit Pengembangan Sastera.

Pada tahun 2002 ini, sekali lagi warga DBP Cawangan Sarawak berjaya mengharumkan nama Cawangan Sarawak apabila merapung tempat pertama dan kedua dalam menulis puisi sempena Hari Kualiti DBP Malaysia pada tahun lepas, kali ini Mohd. Faizal Jamil dan Rosani Hiplee sekali lagi membuktikan kebolehkan masing-masing. Mohd. Faizal Jamil berjaya menjadi johan dengan puisinya 'Pohon Gemilang' (buat warga DBP), manakala Rosani Hiplee di tempat kedua dengan puisinya 'Sudah Kudengar'. Kedua-dua mereka telah mendeklamasikan puisi tersebut di majlis berkenaan.

Sempena Hari Kualiti 2002, juga buat julung kalinya pihak pengurusan memberikan penghargaan kepada setiap unit bagi kejayaan melaksanakan projek atau aktiviti yang dianggap cemerlang serta memberikan impak yang dapat membantu organisasi dalam mencapai matlamat. Unit Bahasa dan Unit Sastera telah menerima hadiah penghargaan bagi kejayaan Projek Kembara Bahasa dan Sastera Negeri Sarawak. Unit Penerbitan pula menerima hadiah penghargaan bagi kejayaan

menerbitkan buku-buku umum karya penulis tempatan manakala Pusat Dokumentasi Melayu menerima hadiah penghargaan kerana telah berjaya mengadakan beberapa pameran korporat, bahasa dan sastera sempena pelbagai majlis rasmi. Unit Pentadbiran dan Kewangan juga turut menerima hadiah penghargaan atas kejayaan cemerlang melaksanakan Majlis Sambutan Ulang tahun ke-25 DBP Cawangan Sarawak. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Tuan Haji Hamdan Yahya.

Majlis Hari Kualiti yang dipenuhi atur cara bercorak kreatif dan informatif sekali lagi menampilkan kelainan apabila para tetamu dihiburkan dengan persembahan taridra 'Maragajeng' oleh kumpulan Sri Nopeng yang merupakan johan pertandingan Sekalung Seni DBP Malaysia 2002.

Tahniah diucapkan untuk semua warga DBP Cawangan Sarawak kerana kejayaan menganjurkan majlis tahunan ini. JS

ADIL

Jika seseorang memperlakukan anda dengan tidak adil anda dapat melupakannya, tetapi jika anda melakukan hal itu, anda akan ingat selamanya.

(Khalil Gibran)

POHON GEMILANG

(uat Warga DBP)

22 Jun 1956 SAR-mo107/09

ketika detik kemerdekaan berputik
keringat dan air mata kami pun mengalir
bersama sisa kudrat senja
lalu digenggam segumpal tanah
dan kami tanamkan benih pusaka
disiramai kata-kata pujangga
oleh penyair dan karyawan tua
moga ia tumbuh meniti usia

pasti kau saksikan suatu hari nanti
rimbunannya mampu memayungi maruah
anak bangsa
dahannya tempat ilmu berpaut kukuh
dan akarnya menunjangi bahasa dan sastera
sedang buahnya sentiasa dikunyah oleh
anak cucu
agar lidah mereka tidak kaku dan kaku
memperjuangkan khazanah budaya Melayu

lihatlah!
hari ini akarnya melingkari ke setiap
penjuru
timur, barat, selatan dan utara
pohnnya menjulang menongkat langit
dedaunan megah memayungi peradaban
bangsa
bunga tradisi pun mekar mewangi
dahannya tak mungkin patah lagi

buahnya kian ranum dan manis
menjadi sebutan di seluruh buana

itulah pohon gemilang
yang kami tanam dahulu
dari benih kualiti berjaya cemerlang
berkat kesaktian lidah dan lincah tangan
pengarang
hingga kini nama DBP dijulang dan
dikenang

jangan dibiar ia tumbang dan layu
sekalipun dahannya bertunas ratusan tutur
peribumi
namun berakarkan kualiti yang satu
jadikan ia tonggak kedaulatan bahasa kita
sebagai nadi penyubur kekuatan bangsa

kualiti!
itulah visi dan misi
mengalirlah engkau ke segenap urat pohon
gemilang
lahirkan pemikir dan sarjana terbilang
suburkan kalimah Melayu yang jitu
bangkitkan sastera Melayu bermutu

laungkanlah kepada anak cucu
ini warisan turunan berzaman
kerana pekik suaramu bisa memecah buntu
akal
kerana semangatmu membentuk hati jadi
cekal
kerana bijak ilmumu bisa jadi bekal

untuk generasiku yang kekal

sudah terpahat di dada sejarah
kitalah pewaris tanah merdeka
kitalah pejuang bahasa dan sastera
kitalah pendukung kualiti hakiki
kitalah anak Malaysia berjati diri

Mohd. Faizal Jamil

SAR-mo108/09
Sudah kudengar

sudah kudengar
ceritera cinta 152
citra juang jati diri
satu bangsa satu bahasa.

wangian restu jiwa pahlawan
meresap mulus ke degup jantung pertama
mengusap syahdu tangkai hati
pendukung cita dan amanah,
Bahasa Jiwa Bangsa.

sudah kudengar
paluan genderang misimu
mengimbau saujana langit terbuka
di taman-taman bahasa
di danau-danau sastera.

sulalatus salatin,

hikayat Hang Tuah
bukan lagi visi dongengan leluhur
segalanya nyata menyurat
azimat keramat hayat tersirat.

sudah kudengar
tingkah sepatu
Pengurusan Kualiti Menyeluruh
bertingkah derap ampuh
Pasukan Peningkatan Kualiti
siaga menyahut
seru PDCA, PARETO,
inspirasi Ishikawa
lewat hukum ISO 9000
signifikan warga korporat
ke arah kecemerlangan bermatlamat.

solstis jun 2001
cerah menyinar arca jaya ISO 9002
roh hamba yang terantai
kini berjiwa merdeka,
nyata semangat jitu berpadu
citra perjuangan keringat berdaulat
tanda aras keperibadian berbudaya
teras unggul reformasi peradaban.


sudah kudengar
bunyan tabuh organisasi gemilang
mencanang misi bervisi di puncak
cemerlang
iris cinta indah berkerdip,
Kualiti Dijunjung Organisasi Disanjung.

Rosani Hiplee

peristiwa bergambar

SAR-m0109/09

1



2



3



6



5



4



Keterangan gambar

1. Datu Haji Salleh Haji Sulaiman Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap ahli Lembaga Pengelola DBP sewaktu majlis pelepasan kembara.
2. Y.B. Datuk Alfred Yap menyampaikan ucapan perasmian BBSN.
3. Rombongan kembara mengelilingi bandar Sri Aman.
4. Persembahan raban oleh penggiat seni di Sri Aman.
5. Majlis pelepasan kembara oleh Y.B. Francis Hardien di hadapan Pejabat Residen.
6. Bapa dan anak, Hamlin Abolhi bersama-sama anaknya mendeklamasi puisi pada malam seni.
7. Meskipun seketika, sambutan yang diberikan oleh masyarakat Sarikei amat mengagumkan.




7

peristiwa bergambar


8



9



10



11



12



13



14

8. Tan Sri Abang Ikhwan Zaini, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Bintulu.
9. Polis pengiring dan rombongan berhenti rehat.
10. Lafaz Ikrar Bahasa.
11. Persembahan selingan oleh warga emas Bintulu sewaktu pertandingan Berbalas Pantun antara kampung di Balai Raya Kampung Jepak.
12. Persembahan oleh ahli rombongan kembara di Panggung Esplanade, Bintulu.
13. Ahli rombongan kembara bergambar beramai-ramai setibanya di destinasi terakhir kembara, Bintulu.
14. Dari kiri Wan Abdul Hamid, Haji Hamzah Hamdani dan Y.B. Awang Tengah Ali Hassan bersempang di lobi hotel setelah berakhirnya majlis penangguhan BBSN 2002.

SAR-m0110/09

Dengan Jati Hati

(mohon izin Sdr. Marsli N.O, Baha Zain & Sutung Umar RS)

Dengan jati hati
kita tanam benih-benih cinta
di dada anak-anak bangsa
pada bangsa yang berbahasa

Dengan jati hati
kita semai jiwa setia
di minda anak-anak bangsa
pada lembut lidah bunda berbudaya

Dengan jati hati
kita bina sebuah bangsa bertamadun
kita bangunkan satu bahasa mengangkat maruah
pada sebuah pertiwi yang merdeka

Kini,
hampir setengah abad, setelah
cinta dan setia
akarnya kian berumbi
umbinya makin berakar
tunjangnya bertunjang nun di dalam
menjaring di jiwa
menguatkan minda
lewat lembut susun setiap patah bermakna

Setengah abad kian dicapai
aku yang dewasa bersamamu
dia yang wujud seiringmu
mereka yang melahirkanmu
tahu sejarah hitam kau lalui
mengerti setiap kata putus
akur setiap tindaklaku yang diambil
adalah demi agama yang dijunjung
adalah demi negara yang diamai
adalah demi bangsa yang berbahasa
adalah demi bahasa bonda tercinta

namun kini
tika usia menghampiri setengah abad
kita disogokkan dengan satu cabaran
cabaran yang bersalut hempedu berinti madu
tunjang 152 cuba digoyah-goyahkan
bak kata mereka yang terasa
antaranya:

Awas! Berwaspadalah
mereka sedang berusaha mencekik leher bahasa kita
bahasa yang menjadi penyambung lidah zaman
tentang kehadiran suatu warisan

Awas! Berhati-hatilah
terhadap janji-janji dan istilah masa depan
yang melupakan kita kepada sejarah dan perjuangan

sebuah sejarah
yang belum kita langsakan segala piutangnya
dan segala anak serta turunan
akan melontarkan ludahnya ke wajah dan jasad kita
yang pucat dan pikun
tidak bermaya

tapi pengalaman sejarah mengajar rakyat
untuk tidak terus diam

kini mereka bersedia bangun untuk menentang
berdiri dengan pedang di kanan
keris di kiri
dengan semangat yang tak bisa mati
mereka menentang
sesuatu yang merugikan bangsanya
yang menggadai maruahnya
yang merendahkan martabatnya

bangun bangsaku bangun, Bangun!
jangan biarkan siapapun menghina bahasa kita
kerana bahasa kita adalah bangsa kita

tetapi jika kita renung sedalam-dalamnya
maha penting penguasaan bahasa itu pada anak bangsa
untuk berdepan dengan masa depan
seharusnya kita terima jua walau luka-luka lama
kembali pedih
seperti seorang yang menderita kesakitan maha perit
walau sepahit jadam semuanya dimamah jua
walau sepahit hempedu semuanya ditelan jua
demik survival sebuah bangsa sebuah negara
demik sebuah maruah
yang bakal bergelumang dengan arus gelombang
globalisasi
demik pesan moyang pada cucunya "takkan Melayu
hilang di Dunia"

dan dengan jati hati
marilah kita membuka dada meluaskan minda
segalanya itu adalah jua demi maruah sebuah bangsa
yang bermaruah
bahasa kita
bangsa kita
melayu kita
wajib kita martabatkan
mesti kita julang setinggi-tingginya
mari saudara-saudaraku
kita perkasakan jati hati
kita perkasakan maruah bangsa
kita perkasakan bahasa bunda
kerana bahasa itu adalah jiwa bangsa
yang merdeka.


matsabli sh
15 - 25 Jun 2002

SAR-m0111/09

Hari Ini Aku Cukup Gelisah

Hari ini aku jadi gelisah
detik pantas menapak
dan tak terkejar lagi tahunnya
sedang aku masih amat sayangkan saat pergi itu
tak mahu kumelupakan manisnya
tetapi adakah ruang emas itu
mahu datang mendekati kembali
mengisi sepi?

detik memang pantas meninggalkan
sedangkan aku masih takutkan detik pahitnya
apakah babak sasau peperangan
bakal terus mencalar
membiak ke desa aman yang kumesrai saat ini
menghancur lebur memusnahkan
segala harapan dan doa ibunda?

*Desmond Manja Gasan*1 Januari 2002
Kanowit

SAR-m0112/09

Tidurlah Wahai Permaisuri

Tidurlah wahai permaisuri
tidurlah, ketika sinar mentari
tidak lagi seganas halilintar
yang mampu menembusi
kamar sesempit ini

akan ku dendangkan lagu-lagu
yang engkau minati
sepanjang tidurmu yang panjang
semoga engkau beroleh
mimpi bersama-sama bidadari

tidurlah wahai permaisuri
tidurlah, esok engkau
pastinya akan melangkah
pergi dalam kembaramu yang panjang
yang tidak siapa pun mampu
mengetahui kesudahannya

tidurlah wahai permaisuri
jamkan matamu
dan ingatlah kembali
segala janji yang telah
engkau persetujui

tidurlah wahai permaisuri
tidurlah, sepuas hatimu
kerana selama ini
tidurmu sering terganggu
tidak seindah tidur sewaktu
kita mula-mula bertemu

tidurlah wahai permaisuri
pastinya tidurmu kali ini
bertemankan bidadari
dikelilingi para sufi
agari jalur pelangi
diiringi lagu-lagu berani abad ini.

*Idros Samsudin
Hospital Umum Sarawak
20.4.2001*



SAR-m0113/09

Balada Sebuah Puisi

acapkali begini
ilhamku hilang lagi
semakin sepi malam hari
semakin buntu benak memahami
nilai segugus puisi

apakah selama ini
 pena ini berdiam diri
enggan menari
bersama cebisan kertas
diulit sunyi dan sepi

atau telah tiada
hembus nafas angin
meniup sayup
seruling mimpi
yang mengubah melodi sepi
menjadi irama realiti

sesungguhnya acapkali begini
ilhamku pasti mati
tatkala mengidam menulis puisi.

*Robby E
Miri*

Jendela Dewan

SAR-m0114/09

Dari jendela dewan ini
kulaungkan suara hati
bersama utusan dan pesanan
kepada alam yang kukira rawan.

Dari jendela dewan ini
kusampaikan salam kemesraan
pada warga insani
yang berduka kerana derita
yang ketawa kerana bahagia.

Dari jendela dewan ini
aku menyapa teman seperjuangan
yang setia menanam benih budi
pada taman kehidupan kemanusiaan.

Dari jendela dewan ini
aku mampu tersenyum kembali
melihat bunga baru menguntum acapkali
pada pohonan sastera bangsa
mewarnai maya budaya
menemani cahaya bahasa
tanpa ragu rasa.

Dari jendela dewan ini
kutatap segalanya
dan bersyukur pada Ilahi
yang seringkali mengerti
rebah bangunnya kembara
menatang neraca pahala dan dosa
moga ia tetap bermukim
di setiap kunjungan musim.

*Lawrence A.
KPGQ
PEBAS-Kuching.*

Mimpi Zulaiqha SAR-m0115/09

desir pasir tanah buah tamar
mengerti rindu terpendam sang jelita
pada sang perawan yang terpenjara

kemarau tujuh tahun tak bisa menahan
desak naluri ingin dikasih & mengasihi
biar apa pun terjadi dia harus dimiliki

saat jari - jemari tanganku terhiris
tak dapat kulupa wajah seri seribu
anggun rupa seorang lelaki sejati

mimpi malam bulan terang
menjelma rasuk nafsu meranduk
biar fitnah bakal jadi sumpah
lalu sang jelita bisa rebah

maka berlakulah peristiwa ngeri
pada lidah ianya menjadi bukti
berkata-katalah seorang bayi
yusuf bukanlah seorang keji

maka berakhir mimpi sang jelita
merataplah diri sepanjang usia
nestapa beban dipikul rasa
mudah tunduk pada kata

*Yusuffansuri
Sejingga
Julai 10, 2001*



Abizai di sebalik Membentuk Elok di Teluk Esok

Awang Azman Awang Pawi

SAR-m0116/04

MEMBENTUK Elok di Teluk Esok telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia 2001/02 yang melayakkannya menerima hadiah wang sebanyak RM10,000.00. Sudah tentulah buku ini menjanjikan sesuatu yang bermutu kepada khalayak kesusasteraan Malaysia. Pada masa yang sama buku ini merupakan naskhah sulung dari Sarawak memenangi hadiah yang berprestij ini; juga menunjukkan penulis dari Sarawak juga kini tidak rendah dengan nama-nama penulis lain seperti T. Alias Taib, Kemala, Latiff Mohidin yang juga pernah memenangi hadiah berprestij seumpama ini.

Kumpulan puisi ini mengandungi 52 buah sajak. Isu yang dikemukakan oleh Zainal Abidin Suhaili atau Abizai pelbagai, akan tetapi memfokuskan isu suasana perkembangan sosial tanah air yang ditinjaunya daripada gaya pandang seorang penyair. Sudah tentu gaya pandang seorang penyair berbeza dengan gaya pandang ahli sejarah, ekonomi dan politik. Yang dikemukakan oleh penyair lebih bersifat manusiawi meskipun yang dikemukakan mungkin memaparkan manusia yang jelek sifatnya. Tujuannya tidak lain untuk memberikan kesedaran, keinsafan dan membina manusia unggul kemanusiaannya. Inilah yang dapat dikesani dalam sajak-sajak Abizai. Sajak-sajaknya merupakan suatu keinginan anak bangsa untuk melihat masyarakatnya terus maju, tidak hipokrit, berkesedaran tinggi terhadap pembangunan tanah air, membentuk imej Melayu yang 'baru', mengenal sejarah bangsa, warga yang sejati, pesan dan nasihat kepada generasi baru untuk kehidupan akan datang dan berbagaimana bagi rencah dan rencam manusia yang ditemuinya.

Namun begitu terdapat juga pengamatannya tentang suatu subjek yang khusus. Misalnya beliau berbicara mengenai 'bunga-bunga bahasa' yang menurut beliau / peliharalah kelembutan kelopaknya/dengan penuh cemburu dan bangga (hal. 6). Sajak berjudul 'Peguam' pula mengingatkan kita tentang sajak 'intelektual' karya Muhammad Haji Salleh. Di sinilah kita lihat proses dan teori intertekstualiti yang kembangkan oleh Julia Kristeva yang mengembangkan konsep yang dikemukakan Bakhtin dengan istilah istilah transformasi, modifikasi, demififikasi, apologi, konversi, defamiliarisasi dan sebagainya (1977:131). Namun kehadiran 'ekspansi' jelas terdapat dalam sajak tersebut.

Ini bukanlah sesuatu yang dianggap berdosa dalam dunia kepengarangan. Sebaliknya ini merupakan proses biasa dalam dunia kreatif, saling pengaruh dan mempengaruhi. Saya berani mengagak bahawa idola Abizai ialah Muhammad Haji Salleh, T. Alias Taib, Baha Zain, Rahman Shaari yang diguruinya melalui bacaan terhadap karya-karya mereka.

Apabila kita meninjau intertekstualiti dasar yang dikemukakan oleh Mikhail Bakhtin pada tahun 1926 sebelum dikembang oleh Julia Kristeva, amat berguna untuk melihat teori dialogisme yang berkembang di Russia pada akhir abad ke 19 - menekankan wujudnya dialog di antara teks dalam karya sastera yang mengaitkan teks dalaman (nilai estetika, imaginasi dan sebagainya) dengan teks luaran iaitu ideologi sejarah moral, budaya, politik dan sebagainya.

Terdapat beberapa contoh yang amat berguna untuk diturunkan mengaitkan hubungan teks dalaman dan luaran ini. Antaranya ialah sajak berjudul 'Amerika' sebagaimana diturunkan dalam rangkap di bawah :

Tiba-tiba jadi buta
Tiada nampak biarpun permata
Penghapus di rimba Bosnia-Herzegovina

Penyembelihan bangsa di kandang Hebron

membiaran helang penindasan
terbang bebas di angkasa gagah

Sajak ini dihasilkan pada tahun 1994, iaitu semasa isu Bosnia panas di seluruh ceruk dunia. Namun yang anehnya Amerika tidak bertindak dan seolah-olah tidak ada apa-apa yang berlaku tentang

penyembelihan manusia di Bosnia. Ini berbeza dengan sikapnya di Iraq. Di sini ialah kita dapat lihat sikap sebenar negara koboi tersebut yang tidak akan bertindak tanpa kepentingan ekonomi dan survival politiknya. Penyair dari negara kecil seperti Malaysia terkesan dengan suasana yang tidak wajar ini lalu berhasil dialog teks dalam bentuk sajak ini. Ternyata juga, Amerika masih lagi dibelenggu dengan budaya masyarakat koboi yang ingin menjadi hero, menjadi penyelamat kepada dunia akan tetapi mesti ada habuan, sama ada habuan keangkuhan dan habuan ekonomi. Ini juga mengingatkan saya kepada pandangan Benedict Anderson yang pernah menyatakan bahawa dalam konteks suasana dan bentuk moden sumber kekuasaan adalah

heterogen. Ini dengan memaparkan bahawa kekuasaan dapat dianggap menjadi akibat dari, atau diturunkan dari, pola-pola perilaku tertentu dan hubungan-hubungan sosial tertentu. Kenyataan bukan sahaja dipaparkan melalui punca peristiwa pengeboman di Bali tetapi juga adalah kesan langsung daripada sikap angkuh negara Amerika. Sajak-sajak seperti 'Mengapa Harus Memilih Wajah Garang Peperangan (hal.40) 'Seekor Ular Besar' (hal.35), 'Cintailah Alam' (hal.67) merupakan manifestasi nilai keadilan dan keamanan dunia dan lanjutan daripada dialog kemanusiaan pengarang.

Saya ingin mengemukakan bahawa penyair juga tidak terlepas daripada mengemukakan tema-tema Malaysia. Yang dimaksudkan dengan tema-tema Malaysia ialah suasana yang berlaku di tanah air dan diberikan respons. Sajak seperti 'Menuju Inflasi Sifar' (hal.46) adalah contoh yang baik untuk dikemukakan di sini. Menurut penyair;

di tengah pesta jualan murah
jangan mudah digoda ghairah
jangan sampai terpedaya
oleh permainan silap mata
ada potongan harga
yang memotong leher pengguna
ada tawaran istimewa
yang menawarkan pura-pura.

Kenyataan ini sesuai dengan seruan kerajaan supaya tidak boros dan mengelak daripada berlakunya inflasi. Sajak ini dibuat dengan sedemikian rupa dan diberikan sub judul kecil seperti kepada para pengguna dan kepada para peniaga. Begitu juga dengan sajak-sajak seperti 'Kepada Remaja Bangsa'

(hal.66), 'Wajah Melayu Baru'(hal.20), 'Burulah Melayu Baru' (hal. 9), 'Bergelar Warga' (hal.27) 'Untuk Menjadi Warga Sejati' (hal.25). Kesemua ini mengandungi isu-isu soal dalam pembinaan sebuah negara yang dihormati.


Tidak semua sajak dalam kumpulan puisi ini dapat dikupas dengan panjang lebar dalam ruang yang agak terhad ini. Namun begitu dapat dikatakan Abizai mempunyai potensi besar untuk membentuk diri sebagai sebuah institusi sebagaimana penyair besar lain di Malaysia seperti Muhammad Haji Salleh, Baha Zain, T. Alias Taib, Latiff Mohidin yang telah menjadi institusi dan sentiasa dikaji dan dihayati karya-karya mereka. Saya ingin memetik suatu artikel yang disiarkan di Mingguan Malaysia pada 15 Disember 2002 Azman Ismail mencatatkan bahawa Abizai telah berjaya meletakkan diri di celah-celah nama besar iaitu Muhammad Haji Salleh untuk kategori buku 'Kajian Puitika Sasi Melayu' dan Dr. Anwar Ridhwan bagi kategori novel Naratif Ogonshoto.

Di sini ditegaskan bahawa kemenangan pertama anak Sarawak dalam kategori buku puisi dan merupakan galakan kepada penulis Sarawak untuk tidak berasa rendah diri walaupun agak jauh daripada Kuala Lumpur. Abizai pula bukanlah baru dalam dunia penulisan puisi di Sarawak. Bidang ini telah diceburi lebih 10 tahun yang lampau. Pada masa yang sama kemenangan ini memberikan kenyataan bahawa penulis Sarawak tidak sekadar dalam kepompong yang sempit, bersifat kedaerahan sebagaimana dikemukakan oleh pemerhati sastera yang pendek pandangannya.

Kumpulan puisi ini secara keseluruhan aspek isi kandungan-nya sebagai amat mudah untuk difahami. Bahasa yang digunakan agak sederhana iaitu tidak ada penggunaan perkataan yang bombastik dan tidak juga terlalu sentimen. Meneliti sajak-sajak Abizai sebenarnya pada masa yang sama meneliti suasana yang melingkungi pandangan kehidupannya. Kita akan mudah sahaja dapat melihat pandangan-pandangan hidupnya mengenai isu tertentu seperti konsep Melayu baru, jati diri, sejarah dan sebagainya. Abizai kurang bermain dengan sentimen, yang digerakkannya lebih kepada pandangan-pandangan tentang kehidupan yang barangkali sesuai dengan konsep sastera itu, iaitu merupakan kritikan terhadap masyarakatnya. Kritikan bukanlah bersifat negatif semata-mata. Sebaliknya, lebih merupakan pandangan-pandangan yang jujur dan pengajaran-pengajaran yang dijadikan iktibar.

Justeru saya syorkan khalayak sastera untuk menikmati sendiri secara langsung kumpulan puisi. Sudah barang pasti kumpulan puisi ini akan menjadi ingatan zaman kesusasteraan penting dan menjadi salah satu monumen kepada perkembangan puisi di Sarawak khususnya dan Malaysia amnya.

JS



Zainal Abidin Suhaili (Abizai)

INTRIGUE

... dari halaman 8/

Jika kalian masih ingat, semasa Taliban berperang dan menggadaikan nyawa untuk mengusir Rusia dari bumi Afghanistan, Amerikalah menjadi dalangnya; senjata, bom, mortar, meriam dan segala macam persenjataan, semuanya dibekalkan oleh negara kami yang penuh *intrigue* itu. Kenapa? Kerana muh mengusir dan menjahanamkan Rusia yang sesungguhnya seteru tradisi Amerika; melenyapkan pengaruh seteru tradisinya itu. Dan, sekarang lihatlah apa yang terjadi, setelah Taliban tidak sehaluan dengan mereka, mereka serang Taliban, dan lebih mendukacitakan menge bom serambang mungkin; asalkan ada kesempatan untuk menggugurkan bom. Apa kalian masih muh aku tidak berasa malu menjadi anak negara seperti itu? Atau kalian masih mengagumi kehebatan negara kami itu?

Barangkali kalian masih belum puas hati dengan hujahku ini. Baiklah, kalau kalian sih ingat perang Iran-Iraq suatu masa dulu, itu pun natijah *intrigue* pemerintah kami yang licik itu. Negara kami menyokong Iraq kerana takut dengan pengaruh dan angin keislaman yang bertiup kencang dari Iran, dan muh menyekatnya. Lalu disokongnya Iraq, dan setelah Iraq tidak lagi sebulunya, diprovokasinya Iraq supaya menceroboh Kuwait, lalu digunakannya alasan itu untuk menghancurkan Iraq.

Sengaja aku ceriterakan ini kepada kalian supaya kalian tidak terlalu mendewa-dewakan negara kami itu, dan tidak terlalu memandangnya sebagai kayu ukur kemodenan dan kemajuan kalian. Aku sudah sekian lama hidup di sini, jadi aku tahu jantan betinanya pemerintah kami itu. Sekarang, adakah kalian lah yakin, atau kalian masih ragu-ragu untuk mengakui bahawa aku malu menjadi anak Amerika? Atau, kalian masih tidak percaya atau memang tidak muh percaya yang pemerintah kami penuh dengan *intrigue*nya?

Tentu kalian muh ikut akur dengan penyataan aku yang terdahulu bahawa salah orang Islam sendiri lantaran muh dirinya diperbudakkan dan dipergunakan untuk merealisasikan intrig Barat, yang dikepalai oleh negara kami. Tentu kalian menjadikan Pakistan sebagai contoh yang paling nyata untuk mengukuhkan tanggapan kalian itu. Tanggapan kalian itu memang ada benarnya, dan mungkin juga salah.

Kenapa? Bukankah sudah kujelaskan bahawa pemerintah di negara kami itu penuh dengan *intrigue*nya? Maksudku, begini, kita tidak harus menolak kemungkinan Pakistan diugut oleh Amerika, yakni Amerika mengugut untuk menyerangnya atau menge bomnya. Kemungkinan demikian mungkin sahaja boleh terjadi, kalau tidak masakan Pakistan muh bersekongkol dengan Amerika yang ternyata musuh kepada umat dan negara Islam itu. Makanya, Pakistan yang serba salah itu terpaksalah akur dengan berselindung di sebalik penarikan balik sekatan membina senjata nuklear (termasuk untuk India), lalu membenarkan Amerika dan

Setelah sekian banyak yang aku perkatakan, apa kalian masih tidak muh percaya bahawa aku malu menjadi anak Amerika? Atau kalian sememangnya muh aku akur sahaja dengan segala kekejaman dan kezaliman yang dilakukan oleh pemerintah kami yang kononnya mendukung demokrasi tulen itu?

sekutunya mengganas di Afghanistan melalui Pakistan. Semua itu sebagai mengabur mata sahaja; itu tafsiran aku sahaja, dan terserahlah kalau kalian muh percaya atau tidak. Tapi, yang jelas, bagiku sekurang-kurangnya, yang dilakukan oleh Pakistan adalah jelas satu lagi *intrigue* pemerintah kami!

Pernahkah terlintas di fikiran kalian bahawa apa yang terjadi kepada World Trade Centre (WTC) dan Pentagon pada 11 September yang lalu adalah angkara *intrigue* pemerintah kami sendiri? Tentu kalian berhujah bahawa, mana mungkin Amerika muh melakukan perkara yang tolol demikian. Segalanya mungkin! Dengan berbuat demikian Amerika boleh meletakkan kesalahan itu kepada umat Islam, dan menggunakan sebagai alasan untuk menghapuskan Taliban, menghancurkan Osama bin Laden dan rangkaian al-Qaeda. Lantaran takut akan pengaruh Islam yang semakin kuat. Pemerintah kami bukankah sudah terbilang dengan *intrigue* yang keji demikian rupa. Habis, apa yang hendak kita hairankan?

Entah-entah apa yang berlaku pada 11 September memang benar *intrigue* FBI dan CIA negara kami sendiri atau jangan-jangan *intrigue* Yahudi. Kalian percaya atau tidak, pada hari kecelakaan WTC itu tiada seorang pun orang Yahudi turun untuk bekerja sedangkan terdapat tidak kurang daripada 5,000 Yahudi bekerja di situ. Sebaliknya, kira-kira 1,500 orang Islam mati dalam

kecelakaan itu. Tentu ada sesuatu yang tidak kena, bukan? Mungkin kalian masih tidak muh percaya kerana ia seolah-olah tidak masuk akal.

Terpulanglah kepada kalian. Tapi, masih ingatkah kalian akan Brutus yang membunuh Caesar? Katanya, “*Not that I love Caesar less, but I love Rome more*”.

Apa gejala demikian tidak mungkin dilakukan oleh pemerintah kami yang memang terkenal dengan *intrigue*nya itu? — *not that we love WTC and Pentagon less, but we love America more*, mungkin saja boleh dilakukan. Aku bukan muh mempengaruhi kalian untuk mempercayai ceriteraku ini. Namun, aku mohon agar kalian ikut sama memikirkannya, dan menganalisisnya sebijaksana mungkin.

Baiklah, aku berkongsi lagi ceritera tentang *intrigue* ini. Sekarang pemerintah kami sibuk dengan *anthrax* yang kononnya direncanakan oleh Osama dan rangkaian al-Qaeda. Belum berapa waktu yang lepas, pemerintah kami mengatakan bahawa rangkaian al-Qaeda sudah lumpuh; dilumpuhkan oleh mereka. Maka, kalau sudah dilumpuhkan, mengapa pula *anthrax* yang melanda negara kami itu dikatakan direncanakan oleh Osama dan al-Qaeda? Malah mereka tuduh juga negara kalian sebagai punca datangnya *anthrax* yang melanda negara kami itu. Yang mencipta dan memproses *anthrax* negara kami sendiri, jadi apa kena mengenanya dengan negara lain? Kalian masih muh percaya akan sandiwarra pemerintah kami itu. Bagi aku, aku yang sudah lama hidup di negara kami ini, aku lebih faham akan muslihat pemerintah kami. *Anthrax* itu sebenarnya *intrigue*!

Sama ada kalian muh percaya atau tidak, serangan *anthrax* (kalau lauh memang berlaku), cuma satu lagi *intrigue* pemerintah kami. Ketika kita sibuk dan alpa dipesongkan dengan cerita tentang *anthrax*, entah berapa butir bom sudah dijatuhkan di bumi Afghanistan, dan entah berapa ramai umat yang tidak berdosa menjadi korban keganasan negara kami itu dan konco-konconya. Setelah semua ini aku ceriterakan, masih tidak wajarkah aku berasa malu menjadi anak Amerika?

Mungkin kalian masih menganggap aku memburuk-burukkan pemerintah dan negara kami, lantas aku memang wajar dicap sebagai penderhaka atau pengkhianat negara. Aku mohon kepada kalian, janganlah begitu mudah mengecap seseorang itu sebagai penderhaka, pengkhianat atau sebagai tidak tahu mengenang budi. Andainya kalian dalam keadaan aku, bagaimanakah aku harus mengenang budi pemerintah kami yang memang bobrok itu; yang licik dengan *intrigue*nya. Yang angkuh. Yang hanya muh menunjuk-nunjukkan kuasanya itu. Dan, yang hanya lantang bercakap tentang hak asasi manusia dan kemanusiaan sejagat; seolah-olah tidak ada orang dan bangsa lain yang lebih demokratik dan berperikemanusiaan seperti mereka.

Bagiku pemerintah kami itu tidak ubah seperti ayam; kokok sahaja yang berderai-derai, tapi ekor bergelumang tahi. Mereka itu



memang suka melontar batu, dan kemudian menyembunyikan tangan. Mereka memang suka mengadu-dombakan bangsa dan negara lain. Bukankah mereka terkenal dengan dasar pecah dan perintah mereka. Jadi, mereka akan lakukan apa sahaja demi mencapai matlamat mereka. Lagipun mereka tidak mempedulikan apa orang lain kata, dan tidak mempedulikan pandangan buruk orang lain tentang mereka. Mereka mana ada darah malu. Yang mereka pentingkan, matlamat menentukan cara. Biar sekeji manapun cara itu. Muh kalian aku menghormati dan setia kepada pemerintah begitu?

Barangkali benar juga, manalah patut aku memburuk-burukkan pemerintah kami sendiri. Sebagai rakyat, aku patut patuh dan taat setia kepada pemerintah kami. Kalau tidak, apa maknanya menjadi warganegara sesebuah nusa, jika kita tidak setia dan taat kepada negara dan pemerintah kita. Aku memang terfikir juga tentang hakikat ini, tapi aku tidak boleh menjadi munafik. Aku harus berpegang kepada kebenaran. Aku tidak boleh mengorbankan prinsip suciku itu. Malah aku fikir kalian pun patut berpegang kepada prinsip kebenaran. Ah, biarkanlah! Aku serahkan kepada kalian untuk menilai tentang diriku.

Mahu cerita panjang-panjang pun dengan kalian tentang *intrigue* ini tidak guna juga, jika kalian masih tidak muh mempercayai atau sukar untuk mempercayainya. Aku bukan apa, cuma muh menyatakan bahawa aku, ya aku, memang sudah muh menjadi anak Amerika! Percaya atau tidak, itu terserahlah kepada kalian. JS

BUNGA BAYOU UMIT DAN BUNGA BAYOU AYANG

(sebuah cerita Melanau Rejang) SAR-m0117/09



Sungai sebagai salah satu kehidupan masyarakat Melanau.

Diolah semula oleh Jiso Rutan

BERIBU-ribu tahun dahulu ada dua orang lelaki yang gagah perkasa, seorang bernama Bunga Bayou Umit dan seorang lagi Bunga Bayou Ayang. Bunga Bayou Umit berasal dari hulu Sungai Rajang¹ manakala Bunga Bayou Ayang dari Kuala Oya². Kerana mereka sama-sama gagah mereka ditakuti dan sekali gus dihormati oleh orang ramai.

Pada suatu hari Bunga Bayou Ayang mendapat berita bahawa Raja Langit sedang mencari pemuda yang gagah perkasa sebagai calon suami untuk anak gadisnya. Lelaki yang menjuarai pertandingan dan ujian kelayakan yang akan diadakan akan dipilih sebagai menantunya.

Bunga Bayou Ayang pun terbanglah ke langit untuk mencuba nasibnya. Sebelum dia sampai sudah ada peserta-peserta lain yang mengambil bahagian dalam pertandingan sepak raga. Sekarang Bunga Bayou Ayang dikehendaki bertanding dengan seorang pemuda yang telah menjuarai pertandingan sebelum itu. Setelah lama mereka bermain, akhirnya pemuda dari langit itu pun tewas kepada Bunga Bayou Ayang.

Berita kemenangan Bunga Bayou Ayang dalam pertandingan itu kemudian sampai juga ke pengetahuan Bunga Bayou Umit di bumi. Seperti Bunga Bayou Ayang sebelum itu Bunga Bayou Umit juga terbanglah ke langit untuk mencuba nasibnya. Apabila sampai di langit dia pun terus pergi mengadap raja dan memberitahu tentang hasratnya.

“Bagaimana anak hendak bertanding sedangkan badan kecil daripada Bunga

Bayou Ayang?” tanya Raja Langit. Bunga Bayou Umit memang lebih kecil daripada Bunga Bayou Ayang.

“Belum cuba belum tahu. Mungkin kecil kecil cili api,” jawab Bunga Bayou Umit selamba.

Bunga Bayou Ayang yang mendengar jawapan Bunga Bayou Umit berasa marah dan tercabar serta tidak sabar-sabar lagi untuk membela lawannya itu.

Raja Langit lalu menyuruh anaknya mengangkatkan tepak sirih untuk dihidangkan kepada kedua-dua pemuda tersebut. Tepak sirih itu beroda. Semasa anak gadis itu hendak menyorong tepak sirih tersebut, Bunga Bayou Ayang terus menyambarnya. Perbuatannya itu menyebabkan tepak sirih itu hampir-hampir terlepas. Melihat demikian Bunga Bayou Umit pun memarahinya.

“Kenapa kamu berbuat demikian terhadap perempuan? Kalau dengan lelaki, barulah padan,” kata Bunga Bayou Umit.

Kata-kata Bunga Ayou Umit itu menaikkan lagi kemarahan Bunga Bayou Ayang. Nanti baru kamu tahu, katanya di dalam hati.

Raja Langit kemudian mempersilakan mereka berdua untuk turun ke gelanggang dan mulakan pertandingan bagi menentukan siapa jaguh yang sebenarnya. Dalam pertandingan yang pertama mereka menggunakan buah raga Raja Langit yang diperbuat daripada buluh. Buah raga itu tidak besar. Mereka pun bertanding. Apabila buah raga itu disepak dan terkena rumah orang, lalu roboh. Hampir habis rumah orang di sekeliling roboh kerana sepanjang buah raga itu. Melihat demikian, Raja Langit pun mengarahkan mereka supaya berhenti.

“Nanti habis seluruh kampung ini oleh kamu berdua. Kamu berdua memang sama-sama gagah,” kata Raja Langit.

Raja Langit lalu memanggil semua menterinya untuk membantunya memilih calon suami anak gadisnya dari kalangan

mereka berdua itu.

“Lebih baik suruh mereka mengalah batu besar, Suruh Bunga Bayou Ayang dulu,” cadang menteri.

Bunga Bayou Ayang pun cubalah mengalah bongkah batu yang besar. Dia berjaya mengalah batu itu tetapi tidaklah jauh. Orang ramai yang menyaksikannya pun bertepuk sorak kerana menyangka dia sudah menang. Mereka tidak yakin langsung bahawa Bunga Bayou Umit nanti akan mampu mengalah batu itu, apalagi lebih jauh

oleh Bunga Bayou Umit sehingga terbelah dua. Sebelah terus dilontarkannya ke tengah laut dan sebelah lagi ke negeri Oya. Ada yang percaya sebelah kepala yang dilontarkan ke tengah laut itu bertukar menjadi pulau manakala yang dilontarnya ke negeri Oya bertukar menjadi pokok kelapa.

Selepas itu Raja Langit pun mengahwinkan Bunga Bayou Umit dengan anak gadisnya. Majlis perkahwinan itu berlangsung empat puluh hari empat puluh malam! JS



Muda-mudi Melanau dalam Pesta Kaul.

daripada yang mampu dibuat oleh Bunga Bayou Ayang.

Kini tiba-tahilah giliran Bunga Bayou Umit pula. Orang ramai sudah mula tidak berminat lagi kerana pada sangkaan mereka juara sebenar sudah ditentukan. Bunga Bayou Umit dengan selamba saja menolak batu itu yang dengan mudahnya jatuh ke bumi sana! Ada yang percaya batu itu bertukar menjadi sebuah gunung. Dengan demikian menanglah Bunga Bayou Umit dalam pertandingan itu.

Raja Langit belum berpuas hati lagi. Dia ingin menguji lebih jauh kehandalan kedua-dua pemuda itu. Mereka berdua pun diminta untuk terus menunjukkan kehebatan masing-masing dengan cara tersendiri.

Bunga Bayou Ayang lalu menukar dirinya menjadi seekor ular yang besar. Melihat demikian Bunga Bayou Umit cepat-cepat menjelaskan dirinya menjadi seekor helang besar dan terus menyambar ular itu. Dia lalu terbang ke udara dan menghempaskan ular tersebut berkali-kali ke bawah, ke hutan rimba. Habislah satu kawasan kayu dan pokok tumbang dan patah dibuatnya. Selepas keletihan bertarung mereka berdua pun menjelma balik menjadi manusia.

Kini mereka bertarung menggunakan parang pula. Kerana mereka sama-sama kebal dan handal, mereka mengambil masa yang cukup lama. Akhirnya, Bunga Bayou Ayang tersilap langkah lalu terus ditetak di kepalanya

Cerita ini asalnya disampaikan oleh Encik Dandan bin Sidi dari Kg. Belawai, Rejang.

1. Sungai Rajang - nama sebuah sungai yang terpanjang di Sarawak yang mengalir melalui daerah-daerah seperti Kapit, Sibu dan Sarikei.

2. Kuala Oya - nama satu kawasan di daerah Dalat di bahagian Sibu, Sarawak.

CONTOH

*Anak-anak lebih
memahami contoh
daripada kritik.*

(Joubert)

*Satu contoh yang baik
lebih mampu
mengerakkan dunia
daripada seratus doktrin.*

(Henry Miller)

Antara Keindahan dan Kebenaran

Abizai

SAR - m0118 /09

SEBAGAI insan, saya amat menyukai keindahan, sifat yang dipinjamkan oleh yang empunya sifat kepada hamba-Nya. Sesungguhnya Allah itu maha indah dan menyukai keindahan seperti yang dinyatakan dalam sebuah hadis Rasullullah. Dalam Kitab Futuhah Al-Makkiyah, Ibnu Arabi menyatakan bahawa keindahan merupakan dasar dari cinta dan cinta kepada Allah adalah inti utama dalam ajaran sufi.

Setelah meninggalkan alam persekolahan pada awal dekat 80-an, minat saya terhadap keindahan bahasa semakin memuncak setelah mula diasuh melalui mata pelajaran sastera di sekolah. Saya menjadi semakin rakus membaca sajak, cerpen, novel, akhbar, majalah dan buku. Ini mendorong saya untuk memulakan kerja menulis secara serius. Namun sebelum itu, ketika masih di dalam tingkatan tiga lagi saya telah mula berlatih menulis sajak. Tentu saja sajak remaja yang terlalu berterus terang, prosaik, klise, penuh dengan perasaan dan semangat yang tidak terkawal. Tetapi saya tetap mengaku itu merupakan "anak-anak" sajak saya biarpun sajak-sajak ini penuh dengan kecacatan dan kekurangan.

Saya banyak membaca sajak-sajak penyair mapan dan baharu ketika itu malah hampir boleh menghafalkan nama-nama mereka. Tetapi sayang, tidak semua karya mereka dapat saya nikmati sepenuhnya kerana selain daripada keindahan bahasa, ada beberapa sajak tersebut gagal saya jejakinya dengan menyeluruh. Keadaan ini berpunca daripada kelemahan saya sendiri yang masih belum menguasai ilmu sajak secukupnya. Jadi tanggapan saya pada waktu itu ialah keindahan dan kejayaan sesbuah sajak itu terletak pada kekaburuan makna yang bersembunyi di sebalik pelbagai imej, simbol dan kata-kata yang muluk.

Kalau begitu, saya pun mahu mencuba menulis sajak yang kabur dan terlalu peribadi simbol dan bercampur imejnya. Lantas sajak-sajak berkenaan saya hantar ke beberapa akhbar dan majalah terkenal tanah air. Tetapi bagaikan menanti hujan pada musim kemarau. Bagaikan menunggu buah yang tak gugur, hasilnya amat menghamparkan. Keadaan ini berterusan selama hampir dua tahun. Dalam tempoh derita tersebut saya membaca banyak sajak penyair terkenal dan kritikan-kritikan sajak.

Akhirnya saya sampai kepada satu kesimpulan bahawa saya harus mencari titik tengah bagi menemukan, menyatakan dan mengawal kementahan idea, kelangsungan

kata-kata, keindahan bahasa dan kekaburuan makna. Sejak itu proses pencarian dan pembelajaran berterusan dalam jangka masa yang panjang dan berliku. Ini telah membawa hasil yang lumayan. Bermula dengan "Ingatan Manis" yang mendapat tempat di dalam media dan kemudian disusuli

pula oleh sajak-sajak lain yang tersiar dalam pelbagai akhbar dan majalah tanah air.

Pada peringkat ini, fikiran saya sering ditumbuhkan oleh pelbagai bunga kata yang belum berbuah makna, namun indah pada tanggapan saya. Saat itu amat berharga sebenarnya. Segera saya petik dan tuliskan ke dalam buku cacatan sebelum hilang tanpa jejak. Perkara ini saya gambarkan dalam sebuah "Kelahiran Sajak";

Sel-sel aneh berkumpul, menggerakkan saraf

Rasa halus, terjelmalah air hikmat di dalam gelas

Imaginasi. Kesementaraan harus dipergunakan setepat

Jarum jam. Segera kuminum air hikmat itu,

Keajaiban pun melahirkan sajaku.


(Seekor Kelawar Di Kamar Pengantin [SKDKP], 54)

Lintasan kata-kata ini muncul tanpa mengira waktu dan tempat, semuanya saya kumpul sebagai ramuan apabila saat mengadun sajak tiba kelak. Bertolak dari kata-kata inilah dan dengan sedikit sebanyak rautan dan giliran maka akan muncul diksi-diksi yang bakal menyumbangkan kepada pembinaan sesbuah sajak. Kemudian barulah saya satukan dan sesuaikan dengan tema dan persoalan yang mahu saya katakan.

Antaranya yang saya masih ingat ialah hanya bermula dengan kata-kata "alangkah kuyupnya sebuah keinginan", kemudian lahirlah "Hujan".

Hujan masih tetap turun/ biarpun basah kita tidak seperti dulu lagi/ Masing-masing telah membina rumah/ tanggungjawab harus dijunjung/ tetapi sesekali tempias menyelusup masuk/ lewat jendela terbuka/ terasa alangkah kuyupnya sebuah keinginan/ sahabat kita masih boleh saja bermain hujan/ tanpa membocorkan atap rumah.

Kuyup mengingatkan saya kepada hujan



Abizai bersama sijil dan trofi kemenangannya.

yang menjelaskan suasana keriuhan, keseronokan dan kemesraan dan seterusnya mengembalikan nostalgia bersama-sama sahabat lama. Kebanyakan sajak saya yang termuat di dalam kumpulan SKDKP (1989) ditulis dengan cara sedemikian.

Antara penyair waktu itu yang menjadi idola dan amat saya minati ialah T. Alias Taib. Saya amat mengagumi bakat dan kebolehan beliau mencipta metafora dan personifikasi yang segar dan bertenaga. Sajak-sajak yang terdapat di dalam kumpulan sajak *Seberkas Kunci, Opera dan Piramid* mengandungi ungkapan yang puitis, indah, segar, kreatif dan berkesan. Dalam diam-diam saya pun menanamkan azam untuk menghasilkan sajak-sajak sedemikian tetapi dengan gaya pengungkapan dan pemanipulasi bahasa yang tersendiri. Tidak menghairankan pula pada awal pembabitan saya dalam bidang ini, ada beberapa orang teman yang mengatakan bahawa beberapa buah sajak saya mempunyai pengaruh sajak T. Alias Taib.

Perkara ini mungkin saja ada kebenarannya tetapi bagi saya terpengaruh tidak mengapa asalkan jangan sampai menciplak karya orang. Yang penting bagi saya pada waktu itu ialah mahu dan terus berusaha membenihkan gaya bahasa yang segar dan tentu saja metafora saya dan metafora T. Alias Taib berbeza. Proses ini merupakan perjalanan yang panjang sebelum sampai ke taman jati diri yang tersendiri. Saya perlu lari daripada segala kebekuan dan pengulangan yang sudah klise.

*Aku harus lari
untuk mengelakkan sajaku
menjadi seperti sungai
yang berkurnun mengalir ke laut
tanpa perubahan arah.*

(Lari, SKDP, 16)

Selepas terhasilnya kumpulan SKDKP, keprolifikan saya dalam menulis sajak sedikit menurun dan tentu saja jumlah karya yang tersiar juga berkurangan. Sebelum ini, dalam

tempoh sebulan ada lebih kurang tiga atau empat buah sajak saya tersiar di dalam akhbar dan majalah. Kalau dulu saya akan menulis apa saja terlintas tanpa banyak masa untuk berfikir dan berfalsafah sebelum dan sewaktu menulis.

Pada peringkat ini, saya tidak lagi menunggu dan mengharapkan lintasan kata-kata yang semakin berkurangan itu. Saya sendirilah yang harus memulakan langkah untuk mencorak dan menentukan sajak saya. Saya mula berfikir tentang apa yang wajar ditulis dan apa pula peranannya sebagai santapan dalaman manusia. Keindahan tanpa kebenaran merupakan bayangan kosong dan kebenaran tanpa keindahan adalah realiti yang beku dan membosankan. Kedua-duanya tidak boleh dipisahkan, barulah sajak berperanan sebagaimana sepatutnya.

*Kaulah sajak
perawan menawan berniat jernih
berkebaya sutera kata-kata terpilih
asli tubuhmu tumbuh
dibentuk lekuk pengalaman jauh
suara emosimu kawal
diimbangi cekal tapisan akal
dengan memakai selendang keyakinan
kau melangkah penuh bergaya
di setiap negeri kehidupan
menayangkan lenggang tari kebenaran
dalam gemalai keindahan.*

(Kaulah Sajak, MTDE, 53)

Saya sering mengutip pengalaman diri dan pengalaman orang lain untuk dijadikan bahan mentah kepada proses peneluran sajak-sajak saya, di samping banyak membaca, melihat, mendengar, merenung dan berfikir. Saya juga menjadi semakin peka kepada isu-isu semasa dan merasa perlu mengatakan sesuatu tentangnya walaupun tidak mungkin mengubah atau memperbaikinya. Tema dan persoalan sudah ada di dalam kepala sewaktu saya mula menulis. Kini saya perlu menterjemahkannya dari bahasa biasa ke bahasa sajak. Ini merupakan proses yang berulang-ulang dan penuh teliti. Kata-kata biasa akan dihidupkan dan disegarkan dengan metafora, personifikasi, pengulangan, permainan bunyi dan lain-lain lagi unsur penulisan sajak.

Maka lahirlah "Derita Bosnia-Herzegovina" ketika bumi Bosnia bergolak, "Drama Bola Sepak" ketika gelaja rasuah melanda dunia bola sepak negara, "Amerika" pada saat warga Hebron disembelih Zionis dan "Coxsackie B" sewaktu penyakit itu melanda di Sarawak dulu.

*Awan wabak berarak berat
Mengandung sarat air petaka
Hujan virus turun melebat
Titisan biasa bertukar bahaya
Bimbang bersarang di dahan sayang bonda
Risau berkicau di ranting kasih bapa
Waspadai berjaga di laman cinta keluarga*

... dari halaman 6/

BBSN semarak kecintaan rakyat

Rahman. Kira-kira 250 orang jemputan hadir. Kejayaan Forum ini ialah hasil usaha gigih Puan Tan Bee Yan, Penolong Pengarah Pertanian dan anak buahnya. Oleh itu perasmian Forum Bahasa itu telah diwakilkan kepada Encik Hussaini Hakim untuk membaca teks ucapan beliau.

Serentak dengan Forum ini upacara pelepasan konvoi Kembara Bahasa dan Sastera 2002 berlangsung di pekarangan Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dan dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Yang Berbahagia Datu Haji Salleh Haji Sulaiman.

Sepanjang perjalanan Kembara Bahasa dan Sastera, para peserta mengadakan pelbagai aktiviti seperti ceramah, dialog dan persempahan kesenian dan lain-lain. Setiap hentian Kembara Bahasa dan Sastera ini disambut dengan penuh meriah. Konvoi ini tiba di hentian terakhir di Bintulu pada tengah hari Sabtu, 28 September 2002. Kegiatan selanjutnya oleh konvoi Kembara ini berupa persempahan Malam Kesenian di Esplanad Bintulu untuk menghiburkan warga Bintulu pada malam 29 September 2002.

Ketika peserta berehat setelah mengharungi perjalanan yang jauh, warga Bintulu khasnya penduduk Kampung Jepak berpeluang menyaksikan Pertandingan Pantun antara kampung peringkat akhir di Dewan Masyarakat pada malam Ahad, 28 September 2002. Dewan Masyarakat Kampung Jepak penuh sesak kerana penduduk kampung hadir untuk menyokong pasukan pemantun mereka yang bertarung dengan pasukan R.P.R Kidurong. Pasukan Pemantun Kampung Jepak muncul sebagai juara dan meraih hadiah wang tunai RM500.00 dan sijil penyertaan. Tempat kedua dimenangi oleh pasukan pemantun R.P.R Kidurong. Pertandingan Pantun antara kampung ini diiringi gendang dan biola. Hadiah disampaikan oleh Haji Hamzah Hamdani. Majlis ini turut dihadiri oleh Encik Ubaidillah Abdul Latip, Residen Bahagian Bintulu kira-kira 60 orang.

Kanak-kanak sekolah rendah turut menyertai Pertandingan Mewarnai Poster yang berlangsung di Lobi Dewan Suarah pada pagi 30 September 2002. Kegiatan ini menjadi satu-satunya kegiatan yang dikhaskan untuk kanak-kanak.

Satu kegiatan BBSN yang berlangsung dari 25 hingga 29 September ialah Khemah Bahasa. Berpusat di Taman Negara Similanjau, Khemah Bahasa ini disertai oleh lebih 30 orang pegawai kerajaan dari Daerah Bintulu dan Daerah Tatau. Pengendalian kegiatan ini diterajui oleh UNIMAS dan Pejabat Daerah Tatau.

Khemah Bahasa ini berjaya meningkatkan rasa megah pesertanya terhadap Bahasa Melayu. Sebagai kegiatan yang bersifat ilmiah, Khemah Bahasa ini menyemaikan

penghayatan peserta terhadap bahasa Melayu sebagai wahana pembinaan negara bangsa dan pembentuk jati diri. Khemah Bahasa ini juga menekankan perlu peserta mengambil inisiatif sendiri dalam soal mempelopori penggunaan bahasa Melayu secara meluas dalam urusan rasmi mereka.

Majlis penangguhan BBSN 2002 berlangsung di Hotel Parkcity Beverly berupa makan malam untuk menghargai kerjasama, sokongan dan khidmat bakti yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan BBSN 2002 ini. Majlis penangguhan ini dirasmikan oleh Y.B. Datuk Haji Awang Tengah Ali Hassan, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri. Dalam ucapan penangguhan BBSN itu beliau menegaskan bahawa semua pihak tidak boleh mengabaikan bahasa kebangsaan kerana setiap orang perlu bertanggungjawab dalam memperhebat usaha meningkatkan penggunaan bahasa itu dalam urusan harian masing-masing.

Katanya, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong kegiatan yang boleh meningkatkan penguasaan bahasa Melayu agar warga perkhidmatan awam khususnya dan masyarakat amnya memperoleh ruang dan peluang untuk memahirkan diri dalam bahasa Melayu. Beliau menggesa seluruh rakyat di negeri Sarawak untuk memperteguh iltizam mereka memartabatkan bahasa Melayu sebagai pencipta pembangunan dan kemajuan negara.

Pastinya acara penutup tirai BBSN 2002 menjadi kenangan manis bagi semua pihak lebih-lebih lagi pihak DBP Cawangan Sarawak. Kerjasama yang sangat erat daripada Encik Ubaidillah dan anak buahnya serta semua Ketua Jabatan pasti tidak terbalas oleh pihak DBP Cawangan Sarawak. Khidmat bakti semua pihak itu biarlah dibalas dengan ganjaran yang berlipat ganda oleh Allah s.w.t. Semoga warga Bintulu tetap bersemangat kental dalam meletakkan bahasa Melayu di tempat yang sewajarnya dalam kehidupan harian mereka. Insya Allah. **JS**

... dari halaman 19/

Di sebalik keindahan dan kebenaran

(Coxsackie B, METE, 70)

Sajak-sajak tersebut adalah antara sajak yang dihasilkan dari tahun 1988 hingga 1997 dan termuat di dalam kumpulan sajak ketiga saya, MEDTE dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Sarawak pada tahun 2001.

Saya sebenarnya sudah lama berminat

... dari halaman 4/

Kembara simbolik perjalanan bahasa

bertujuan menyemarakkan lagi semangat memartabarkan bahasa kebangsaan. Utusan Sarawak juga menyediakan ruang khas untuk laporan harian kegiatan kembara ini. Secara langsung kembara Bahasa dan Sastera BBSN 2002 sentiasa dimaklumi oleh masyarakat.

Kelab Penggiat Sastera Sri Aman (KPSSA) dan Kelab Penggiat Sastera Sarikei (KPSS) juga telah membantu menjayakan kembara pada kali ini. Penglibatan langsung dalam mengendalikan kegiatan seperti sambutan rasmi, malam keseniaan, dan ceramah sastera menunjukkan komitmen mereka yang tinggi terhadap usaha-usaha

DBP Cawangan Sarawak selama ini. Kerjasama yang erat ini adalah manifestasi dari kecintaan dan keyakinan penulis setempat terhadap perjuangan DBP Cawangan Sarawak mengangkat martabat bahasa kebangsaan.

Demikian Kembara Bahasa dan Sastera BBSN 2002 yang merupakan simbolik perjalanan memartabatkan bahasa kebangsaan yang terpaksa berdepan dengan sejuta cabaran. Sesungguhnya tanggungjawab mengangkat maruah bahasa adalah tugas seluruh warga Malaysia. Bahasa adalah jiwa bangsa yang merdeka. Tanpa bahasa sendiri siapalah bangsa kita? **JS**

CANTIK

*Kriteria kecantikan yang sejati ialah makin diteliti makin bertambah cantiknya
(Genre Grenville)*

dan berkeinginan untuk menulis sajak tentang sejarah yang terdapat di Bumi Kenyalang terutama sekali tentang perjuangan Rosli Dhoby dan rakan-rakannya menentang penjajah. Cuma sayang, bahan dan cerita tentang perkara ini tidak banyak ditulis dan didokumentasikan. Saya amat menghargai usaha dan kegigihan yang telah dilakukan oleh Rudi Affendi Hj. Khalik semasa melahirkan buku Rosli Dhoby, Mat Digantung dan Mat Rimau. Saya merasa amat terharu dan seolah-olah dapat merasakan jerih perih dan pengorbanan para pejuang seperti Rosli Dhoby, Bujang Suntong, Awg. Ramli, Mat Rimau dan lain-lain lagi. Lewat ‘Wasiat Rosli Dhoby’ saya menulis:

Tidak apa
Seorang Rosli Dhoby mati
Seribu melayu masih teguh berdiri
Seorang Duncan Stewart rebah
Sejuta kali maruah penjajah terludah

(MYA,20)

Selanjutnya melalui “Harimau Sarawak”, saya merakamkan penghargaan dan penghormatan buat Mat Rimau:

Salam hormat wahai pahlawan hebat
Biarpun tidak pernah tergantung
Potretmu di muzium kebesaran
Tetapi hatiku sungguh berbunga takjub
Menyusuri pantai putih perjuanganmu

(MYA, 21)

Setiap manusia boleh mengalami perubahan dalam hidupnya, dengan kehendak Tuhan yang berkuasa membolak-balikkan hati hamba-hamba-Nya. Tidak kira sebaik atau sejahter mana pun seseorang itu, jika

tuhan hendak memberi petunjuk tiada siapa yang mampu menghalang. Saya percaya dan yakin bahawa Allah tidak mungkin berhenti berbicara setelah selesai turunnya wahyu kerana Dia Maha berkata-kata dan akan memberikan petunjuk dan ilham kepada sesiapa yang dikehendakinya. Guru saya pernah berkata bahawa jika sesuatu itu turun di ranting fikiran ia merupakan satu idea tetapi jika ia hinggap pada dahan hati mak. a adalah merupakan sebuah ilham.

Tidak kujumpai jejak-Mu
Disepanjang jalan akal-Mu
Yang penuh bersimpang
Dengan logika dan soalan

Tidak kutemui diri-Mu
Di lorong sempit keterpaksaku
Tetapi kurasai hadir-Mu
Dipadang luas kelapanganku
Pada degup hidup hatiku.

(Tidak Kutemui Diri-Mu, MYA, 31)

Saya mulai menyusuri jejak karya penyair-penyair sufi seperti Jalaluddin Rumi, Fariduddin Attar, Ibnu Arabi, Hamzah Fansuri dan lain-lain lagi. Cuba mengutip kehalusan rasa dalam keindahan kata-kata. Akhirnya saya menyedari dan menginsafi bahawa keindahan itu sama ada dalam bentuk rupa, suara, bahasa dan apa saja sebenarnya merupakan bayang-bayang untuk kita belajar mengenal, mengasihi, mengabdikan diri dan mengagungkan-Nya pemilik mutlak asal segala keindahan itu. Segalanya ini, dengan izin-Nya saya cambahkan menjadi pucuk-pucuk sajak lewat kumpulan sajak Mengenal Yang Asal. **JS**

Hajah Salbiah Painah

Latifah Haji Shebli

SAR-m0119/09

HAJAH Salbiah binti Mohd. Painah bukanlah nama baru dalam dunia persuratan Sarawak. Beliau yang lahir pada 3 Julai 1936 di Kampung Sungai Bedil Kecil, telah mula berjinak-jinak dalam bidang penulisan sejak kewujudan Borneo Literature Bureau (BLB). Bagi generasi baru, nama ini memang agak asing, namun bagi peminat drama radio tahun 1960-an hingga 1970-an, nama beliau sering meniti bibir.

Beliau juga tokoh guru penulis yang cukup popular pada zamannya. "Orang lama" dalam Persatuan Bahasa dan Sastera Malaysia Sarawak (PEBAS), satu-satunya persatuan yang bergabung dengan GAPENA ketika itu. Beliau yang lebih senang disapa sebagai "Kakak" merupakan salah seorang panitia wanita, selain Latifah dan Maliah yang terawal menganggotai persatuan yang ulung itu. Pada ketika itu PEBAS telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan Hari Sastera 1974 sewaktu Sarawak terpilih untuk menjadi tuan rumah. PEBAS berjaya membawa penulis-penulis seluruh Malaysia dan negara jiran bertandang ke Negeri Kenyalang untuk menghadiri Hari Sastera yang pertama kalinya diadakan di Sarawak.

Salbiah adalah penulis berbakat dalam era BLB, Sarawak. Uniknya beliau tidak pernah mendapat bimbingan khusus dalam bidang penulisan. Bakatnya menonjol ketika menyertai peraduan menulis cerita pendek yang dianjurkan oleh BLB ketika itu. *Menanti Esok* merupakan bekas tangan beliau yang juga merupakan penulis wanita Sarawak pertama yang memenangi hadiah dari BLB.

Dalam bidang drama beliau pula pernah menyiapkan skrip drama radio yang mengambil masa hanya satu malam dan drama itu mendapat sambutan begitu hangat pada tahun 60-an.

Dan drama Celaka Pusaka Ayah itu juga menurut Kak Salbiah, menyebabkan banyak pendengar sebak, sedih dan terkilan. Ketika ditanya mengapa beliau menulis skrip drama tersebut, beliau tersenyum. Saya merenung gerak bibirnya. Katanya, dia terilham hendak menulis malam itu. Malam itu, katanya hujan turun mencurah-curah. Suaminya masih belum balik dari bertugas. Idea datang sewaktu menatap cucuran hujan yang turun dari pancur atau rumahnya. Dia pun menulis sampai ke subuh. Katanya, dia kehabisan kertas untuk menulis, namun dia tidak mahu berganjak dari meja tulisnya, kerana sayangkan ilham yang mencurah-curah datang, kakak menulis walaupun di atas kotak-kotak rokok yang terkumpul dalam bakul bunga yang ada di situ. Apabila drama itu disiarkan oleh Bahagian Drama, Radio Sarawak (Sekarang Radio Televisyen Malaysia), pendengar

benar-benar bercucuran air mata, sama seperti titik-titik hujan yang berterkung di pancur, kemudiannya mencurah-curah keluar. Entah mengapa, Datuk enggan mengungkapkannya. Saya ingin juga hendak menatap skrip drama radionya itu, namun saya tidak berhasil. Saya beranggapan, titik-titik hujan itu membela rasa jiwa penulis, lalu kesejukan malam itu meresap fikiran penulis dan me-

Datuk Hajah Salbiah Painah, wanita yang kaya dengan pengalaman dan pengetahuan.

Celaka Pusaka

Ayah. Walaupun tajuknya tidak romantik, tetapi apabila dilihat sedalam-dalam ke dalam tajuk itu, kita akan dapat jawapannya.

Datuk menulis awal tahun 60-an sehingga akhir tahun 70-an. Beliau lebih banyak menghasilkan drama radio dan drama dalam syair. Walaupun Datuk seorang cerpenis dan menulis puisi, namun tidak begitu terserlah tambahan, pula zaman Datuk adalah zaman kering kontang akhbar dan majalah yang berbahasa Melayu. Jadi, di mana hendak disalurkan karya-karya. Katanya, dia lebih suka menulis drama. Drama lebih cepat dan tepat untuk kita mendekati rakyat, kata Datuk. Datuk menulis drama dengan tujuan mendekati rakyat menghantar maklumat, pengajaran dan nasihat kepada pendengar-pendengar radio. Memang betul.

Mengapa menulis lebih banyak drama Radio?

Keadaan masa dan suasana zaman itu. Alat yang paling cepat untuk menyampaikan sesuatu kepada masyarakat ialah radio. Tidak ramai masyarakat kita yang tahu menulis atau membaca. Jadi dakwah melalui media cetak lambat dan kurang berkesan.

Apa yang pincang dalam masyarakat perlu diperbetul segera. Kesedaran perlu dipupuk bukan dalam bentuk paksa tetapi dalam hiburan dan hidangan ringan, seperti drama radio yang disulami muzik dan kesan bunyi. Radiolah satu-satunya alat penyampai paling cepat pada masa itu, kerana jalan raya penghubung kota dan desa belum ada.

Ketokohan beliau sebagai seorang guru juga terserlah. Maka peranannya yang banyak mengajar di merata-rata tempat di Negeri Sarawak itu, membawa beliau lebih terkenal dan disenangi. Tugas dapat dilaksanakan dengan teratur dan dapat dirasai manfaatnya kepada murid-murid yang me-merlukan. Itu



adalah antara tugas yang beliau tangani sewaktu menjadi guru. Semua tugas dan lawatan ke sekolah-sekolah dijalankan tanpa mengira masa dan cuaca. Pengalaman yang tidak pernah dilupakan beliau apabila pernah karam di antara Kampung Tambirat dan Kampong Sambir dek ombak yang begitu kuat. Mujur perahu sempat dikayuh ke tebing. Pernah basah kuyup berjalan dalam hujan kerana takut

duduk dalam perahu semasa melalui pintu tahanan air di Kawasan Peparitan dan Tali Air di kawasan Samarahan - dari SRK Sampun Tebun ke Asa jaya Ulu, ada tiga atau empat pintu tahanan air dilalui. Beliau juga pernah terkandas di beting Sebandi sewaktu hendak ke Moyan Laut. Semasa kecemasan beginilah biasanya tidak terasa tangan ditadah dan tercurah permohonan kepada Illahi 'Ya Allah Ya Tuhan'ku, kalau pun sampai masanya akan dijemput kembali ke hadrat-Mu, maka aku mohon jemputlah aku semasa aku berada di samping suami dan anak-anakku, bukan disini Ya Allah'

Walau bagaimanapun apabila selesai satu tugas, apabila berjaya satu projek, rasa bahagia akan memenuhi hati dan jiwa. Segala kesukaran yang pernah ditempuhi lenyap dengan sendirinya. Minggu depan, bulan depan, tugas akan disambung semula, perjalanan akan diteruskan - Amanah mesti disampaikan. Itulah pegangan Tokoh Guru Negeri Sarawak 1995 ini.

Beliau berehat daripada tugas pada November 1987. Namun dek sebat dengan tuntutan perguruan dan tugas-tugas di samping masyarakat, beliau menyambung tugas. Namun perasaan tidak senang - diri seolah-olah "terpenjara" oleh empat dinding bilik yang begitu selesa. Tiada muka-muka biasa yang meminta khidmat nasihat, tiada khidmat yang benar-benar dapat dicurahkan. Di sini diri benar-benar merasa tidak berfungsi, tidak ada peranan yang hendak dimainkan. Akhirnya pada pertengahan tahun 1987 beliau terpaksa memohon bersara pada usia 51 tahun, setelah berkhidmat selama lebih kurang 31 tahun dengan kerajaan.

Antara karya yang pernah beliau hasilkan ialah Bulan Dikandung Bonda, Setangkai Tak Sebau, Kasih Menantu Sayang Mertua, Aku

Tidak Minta Dilahirkan, Bila Musim Gugur Tiba dan lain-lain. Di samping drama radio, beliau banyak juga melahirkan skrip drama dalam syair - petikan dari syair - syair silam seperti, Panji Semerang, Bayan Budiman, Selendang Delima dan lain-lain lagi. Pernah juga menulis untuk ceramah radio dan penulisan cerpen dan sajak.

Sebuah cerpen panjang yang pernah dibukukan dalam bentuk Novelet ialah - *Menanti Esok* yang diadun daripada pengalaman dari apa yang didengar, dilihat dirasa dan menjelma dalam imaginasi. Satu lagi cerpen yang dilahirkan, yang juga menonjol kekuatan azam wanita ialah Anak Sungai Lagi Berubah.

Ditanya tentang harapan dan wawasan beliau mahu terus berhidmat kepada masyarakat di samping memperbanyak amal ibadah sebagai bekal dalam perjalanan menemui Allah s.w.t.. Beliau berharap akan wujud masyarakat penyayang, prihatin dan berdisiplin - terutama di kalangan anak-anak remaja yang akan mengganti tonggak Negara. Sebagai seorang bekas pendidik beliau ingin melihat anak bangsa terdidik dan mempunyai ilmu yang tinggi, bukan hanya berpelajaran tinggi. Untuk mencapai tahap ini dua manusia yang bernama ibu dan guru memainkan peranan yang amat penting.

Sebagai mengenang jasa, beliau telah menerima pengiktirafan Kerajaan seperti;

- a. Ahli Bintang Sarawak (ABS) 1977
- b. Pingat Perkhidmatan Terpuji Jubli Perak 1988
- c. Pingat Jasamu Di Kenang 1997
- d. Tokoh Warga Tua 2000
- e. Penglima Gemilang Bintang Kenyalang - 2001 membawa gelaran Datuk

Datuk tidak menulis lagi ketika namanya sedang disebut-sebut orang dan namanya begitu popular di kalangan masyarakat kampung. Beliau, secara tidak rasmi berhenti menulis atas sebab-sebab tertentu. Datuk merajuk atau tertekan? Saya melihat wajahnya dan nada suaranya ada jalinan kekesalan. Datuk memadamkan penanya yang sudah tajam itu jauh di lubuh hati yang mengenal erti pengorbanan. Lalu, Datuk langsung tidak menulis dalam apa bidang penulisan selepas itu.

Apabila kami bertemu, nostalgia lama mengimbau kembali. Saya katakan, Datuk mesti menulis sebelum sejarah kita orang tulis. Datuk harus tinggalkan "Buku Kenangan" kepada generasi akan datang. Mereka memerlukannya. Insya-Allah. Datuk begitu terharu. Senyumnya memancarkan harapan. Pertemuan kami berakhir apabila anak saya Mohd. Ismail mejemput saya pulang. JS

BAKTI

Negara tidak akan memikirkan baktinya kepadaku, tetapi akan memikirkan apa yang dapat kubaktikan kepada negaraku.

(R.A. Kartini)

Ingatan Buat Along

Mohd. Shahrizal SAR-m0120/09

AKU mendongak ke langit. Gumpulan awan hitam berarak menandakan hari akan hujan. Aku mempercepatkan langkahku. Setibanya di tanah perkuburan, suasana sepi mulai terasa. Angin bertiup kencang. Daun-daun kering jatuh bertaburan. Pusara itu sudah usang. Kayu nisannya pula sudah reput dimakan anai-anai. Rumput-rumput dan lalang tumbuh di sekitar pusara itu. Hatiku terasa sayu memandang pusara itu, apakah lagi apalagi melihat nama yang terukir pada kayu nisan itu. KAMARUL ARIFFIN. Itulah nama Along.

Setelah membersihkan pusara Along, aku sedekahkan Al-Fatihah kepadanya. Semoga roh Along tenang dan ditempatkan bersama-sama orang-orang yang beriman. Selesai berdoa, aku dapat merasakan manik-manik jernih perlahan-lahan gugur membasihi pipiku. Aku tidak mahu berada lebih lama di situ, kerana setiap kali aku menziarahi pusara Along, aku tidak dapat menahan perasaan sedih. Hujan mula turun renyai-renyai, lantas aku bangkit dan segera mengatur langkah untuk pulang.

Suasana di rumah yang sunyi dipecahi oleh batuk ibu. Aku segera melangkah ke arah suara itu. Kulihat ibu sedang baring di atas katil dalam biliknya. Aku segera menghampiri ibu. Sejak kebelakangan ini, ibu sering jatuh sakit. Aku menatap raut wajah ibu. Wajah ibu kelihatan pucat dan uban menutupi rambutnya.

"Ibu, pagi tadi Shah pergi menziarahi kubur Along." Kataku tanpa ditanya.

Ibu sekadar tersenyum tawar tanda faham. Aku tahu ibu juga rindukan Along.

Azan Asar sudah berkumandang. Aku bangkit dan terus menuju ke bilik air. Setelah mandi dan berwuduk, aku menyempurkan solat Asar. Kemudian aku menadah tangan berdoa supaya Tuhan meredhai jalan yang bakal aku lalui pada hari-hari yang mendatang.

Aku bergegas ke dapur untuk menyediakan hidangan makan malam walaupun jam baru menunjukkan pukul 5.15 petang. Aku harus cepat menyediakan hidangan malam kerana aku berhasrat untuk mengulangkaji pelajaranku malam ini. Aku masakkan bubur nasi untuk ibu. Aku masuk ke bilik ibu lalu duduk di sebelahnya. Ibu masih lagi terbaring di atas katil. Aku tolong ibu untuk bersandar di tepi katil. Aku menyuparkan bubur ke dalam mulut ibu. Muka ibu berkerut menahan kepahitan. Kasihan ibu, kataku dalam hati. Sejak Along tiada akulah yang memikul tanggungjawab. Segalanya diserah padaku. Bagi ibu akulah tempatnya bergantung harap.

Setelah selesai berkemas di dapur dan mengulangkaji, aku terus masuk ke dalam bilik. Malam semakin tua. Mataku masih belum terasa mengantuk. Tiba-tiba mataku terpandang pada sebuah album lama yang terletak di tepi almari. Lantas



aku ambil dan membukanya. Aku membelek-belek buku album itu. Gambar Along kutatap dengan lama.

Sejak ayah meninggal dunia, Alonglah tempat aku menumpang kasih. Alonglah tempat aku bermanja. Kalau aku merajuk, Alonglah yang pujukkan. Walaupun kadang-kadang Along sering marahkan aku, tetapi aku tetap sayangkan Along. Perbezaan umur kami yang begitu jauh menyebabkan aku menganggapnya seperti ayahku sendiri.

Walaupun mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM, Along mengambil keputusan untuk tidak menyambung belajar lagi. Kata Along kalau belajar tinggi-tinggi pun tak guna, membazir masa. Kata Along lagi biarlah aku saja yang sekolah sampai ke menara gading. Tapi bagi aku itu bukanlah sebabnya. Along tahu ibu tidak mampu membiayai perbelanjaan pengajiannya nanti. Along hanya mampu tersenyum apabila mendengar berita rakan-rakannya yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti. Aku tahu Along sedih, tapi Along hanya pendam dalam hati.

Along pernah mendapat tawaran bekerja di bandar. Tapi Along tidak mahu terima. Along hanya nak jaga aku dan ibu. Along bekerja sebagai pembantu di kedai Pak Yusuf. Hasil pendapatannya, Along buat belanja dapur dan selebihnya simpan di bank.

Aku masih lagi ingat nasihat dan pesanan Along supaya tidak bercampur dengan budak-budak samseng dan nakal. Aku mengerti akan kata-kata Along itu. Tapi pada suatu hari timbul pelbagai tafsiran di kepalaiku apabila aku ternampak Along berbual-bual dengan sekumpulan budak samseng. Mereka kelihatan mesra seolah-olah sudah lama berkawan. Aku berasa hairan, bagaimana Along boleh bercakap dengan orang-orang yang tidak disukai olehnya. Malangnya aku sendiri tiada jawapan untuk menyelesaikan persoalan yang membelegngu fikiranku ini.

Walaupun mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM, Along mengambil keputusan untuk tidak menyambung belajar lagi. Kata Along kalau belajar tinggi-tinggi pun tak guna, membazir masa. Kata Along lagi biarlah aku saja yang sekolah sampai ke menara gading. Tapi bagi aku itu bukanlah sebabnya. Along tahu ibu tidak mampu membiayai perbelanjaan pengajiannya nanti. Along hanya mampu tersenyum apabila mendengar berita rakan-rakannya yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti. Aku tahu Along sedih, tapi Along hanya pendam dalam hati.

Semenjak peristiwa itu berlaku, aku dapat melihat perubahan yang berlaku pada diri Along. Along semakin kurus dan kelihatan tidak bermaya. Along juga sering keluar malam dengan alasan dia telah mendapat pekerjaan di sebuah kilang. Apabila ibu bertanya tentang perubahan fizikalnya itu, Along memberi alasan bahawa dia penat bekerja dan kurang tidur. Aku juga sering menemui puntung-puntung rokok di belakang rumah. Pada anggapanku itu mungkin perbuatan budak-budak nakal. Aku langsung tidak menaruh syak pada AOLNG kerana aku tahu Along seorang yang tidak tahan pada asap rokok apakah lagi untuk merokok. Lantas perkara itu kudiamkan saja.

Hari demi hari, aku melihat keadaan Along semakin teruk. Along juga tidak bekerja lagi. Aku dan ibu mengesyaki Along telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah akibat dari pergaulan dengan budak-budak penagih. Sangkaan aku dan ibu itu telah dikukuhkan lagi dengan penemuan puntung-puntung rokok, jarum suntikan dan pil-pil dalam bilik Along.

Pada suatu malam ibu telah berbincang dengan Pak Su untuk menasihati Along supaya balik ke pangkal jalan. Hasilnya bukan kerjasama yang diberi oleh Along, sebaiknya Along menjawab dengan kasar dan menghalau Pak Su dari

rumah. Melihat pada tingkah dan per-lakuan Along yang kurang ajar itu ibu terus menampar muka Along. Pada malam itu juga Along keluar dari rumah. Aku berasa terkilan de sikap Along itu. Tergamak Along menyakiti hati ibu. Namun aku tidak boleh menyalahkan Along sepenuhnya. Aku dapat merasakan bahawa Along mengalami tekanan perasaan hingga membawanya terjerumus ke lembah dadah. Dalam usia yang masih muda Along terpaksa menguruskan hal keluarga tanpa memikirkan masa hadapan sendiri. Kasihan Along. Aku berharap hati Along akan terbuka untuk berubah.

Aku dan ibu menjadi risau, apabila menjelang subuh Along tidak balik-balik lagi. Aku dapat merasakan hatiku berdebar-debar. Tiba-tiba bunyi riuh rendah memecah keheningan di luar. Pintu diketuk berkali-kali. Ibu membuka pintu. Azan, anak Pak Usu muncul di muka pintu.

"Makcik, Along ditemui meninggal dunia kerana mengambil terlalu banyak dadah", kata Azan tercungap-cungap.

"Ya Allah anak aku!" Ibu jatuh lalu pengsan. Aku tergamam. Pada pagi itu semua orang berkumpul di rumah. Aku lihat keadaan Along begitu memilukan. Hati aku menjadi hiba. Mengapa Along tinggalkan aku. Mengapa Along tidak dapat menghadapi masalah ini, sedangkan sebelum ini Along seorang yang cekal. Mengapa? Along pilih jalan yang salah? Aku menangis. Along sudah tiada lagi, Along telah pergi untuk selamanya...

Sejak Along tiada, aku menghadapi hari-hari yang seterusnya dengan tabah. Kini aku telah berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading. Hasrat Along terkabul ju. Aku kini aktif dalam Persatuan Pencegah Dadah. Aku tidak mahu orang lain kehilangan orang yang tersayang kerana dadah.

Malam itu aku terlena bersama kenangan dengan Along. **OS**

INI PUISI LINTANG PUKANG

Harun Das Putra

SAR-m0121/09

Kutatap melintas terbayang
kelihatan dia datang dari belakang
bergaya sambil berlenggang
aduhai rambutnya sangat panjang
hatipun terikat tidak kepalang
jari jemarinya lemah gemulai dipegang
sambil memakai terompak berjenjang
ke sana sini setengah telanjang
inilah dunia sudah menjelang

marilah bersama kita berlenggang
ayunkan tangan kakipun depan ke belakang
supaya mengerti segala yang datang
di sinilah kita berani memandang
segala kesalahan yang banyak kurang
jangan memainkan kata yang gampang
jika berani silahkan membentang
maksudnya jelas tidak sembarang
saran dan kritik perlulah dibentang
artinya cepat menjadi terbilang
perlu disingkap dengan genderang
seluruh mengetahui semuanya dibentang
maka hatipun merasakan senang
siapa yang lupa dijelaskan lantang
janganlah dibiarkan terus berkembang

segera menentukan di masa mendatang
sampaikan amanah kepada setiap orang
yang salah wajiblah dibuang
yang benar harus bertandang
kenyataan dunia sudah semakin usang
di mana-mana banyak berperang

sampaikan berita pengetahuan yang lantang
jangan dibiarkan dia bertandang
ataupun sampai dia berkembang
mencari kesempatan tidak kepalang
merebut kursi yang kuatpun menang
untuk mencapai cita-cita yang gampang
mengisi perut sampai mengembang
wakil rakyat amanahpun tidak dipegang
yang serakah harus dibuang
yang benar harus disayang

jangan dibiarkan terus berkembang
segera menentukan masa mendatang
ganti generasi dari mulai sekarang
berikan kepercayaan setiap peluang
agar terlaksana yang maksud yang dibentang
seluruh masyarakat dapat hidup tenang
dalam kepastian yang dipeang
wahai generasi yang banyak tenang
berjiwa besar merantau mata jelang
sampaikan seluruhnya siapapun yang datang
jangan palang tanggung semuanya dibuang
itulah dinamakan masa berjuang

kita harus peduli dari sekarang
sudah kelihatan banyak tidak disenang
selalu saja melakukan hal-hal terlarang
biarlah dia memakan ikan belukang
jangan sekali terkena ikan sembilang
libat sekarang ke mana udang
yang kecil dipandang yang besar hilang
termasuk siput dan kerang
lautpun dikuasa dengan terang-terang
karena kurangnya kepedulian penguasa sekarang
hanya berkata ya karena duit dari belakang
itulah perlu kita lemparkan dan dibuang

ini puisi lintang pukang
yang penuh kepeduliannya sudah berkurang
yang serakah semakin berpeluang
yang besar berhati jembelang
yang kecil hatinya sudah melayang
yang sedang semuanya pun hilang
yang ada sekarang selalu berkata tenang-tenang
padahal itulah harus kita serang

wahai penghuni negeri sekarang
jangan terlena di masa sekarang
haruslah berbuat yang diperlukan orang
apabila sampai waktunya dia datang
sebagai tanda-tanda banyak yang terang
pertama umur tidak dapat dipegang

dari korban perempuan dan perbuatan lelaki
dari lemahnya hukum sehingga banyak korupsi
dari yang mengumpulkan harta dan upeti
dari awal kehancuran dirasakan ini
dari orang rendahsampai orang tinggi
dari yang malu dan sampai tak malukan diri
dari diciptakan perbuatan yang terkeji
dari sinilah permulaan yang terjadi

dari keganasan beberapa negeri
dari yang salah sempat dibenarkan penguasa negeri
dari keganasan sangat menyusuk hati
dari kecilnya dan sampai besar sekali
dari yang aman sehingga dilanda terkeji
dari pengasutan dan profokator dan menyusupkan diri
dari yang haram dikatakan halal sekali
dari perbuatan yang salah demi kepentingan pribadi
dari sinilah apa yang terjadi

dari perbuatan salah dianggapnya benar sekali
dari sogok menyogok sampai dan upeti pribadi
dari seketip sampai ke miliaran dibawa lari
satupun tak dapat dituntas dan bukti
dari situlah mulai apa yang terjadi

dari orang melemparkan batu sembunyi tangan kiri
dari orang megahku dirinya benar sekali
dari orang yang tak mau mengakui kesalahan diri
dari orang yang mukanya selembe sekali
dari orang berwajahkan mulia hatinya rusak sekali
dari orang serakah haruskah masukkan ke dalam bui

dari sekarang kita bersama berdo'a terhadap negeri
dari sekarang kita semua menyadari
dari sekarang kita berjanji
dari sekarang kita menumpas kemarakan perbuatan ini
dari sekarang kita bersumpah sehidup semati
dari sekarang kita berjanji kepada Ilahi
dari sekarang kita menghancurkan yang salah di negeri
dari sekarang kita menghadap Allah ke jalan yang pasti
dari sekarang kita melihat apa yang terjadi.

هاری کوالیتی جاوشن سراوق

Hari Kualiti DBP Cawangan Sarawak

SAR-m0122/09

اولیه: ازہر محمد دورا.
Azhar Mohd. Dora

ملقنساکن فروجیک اتاو اکتیویتی یغ داغکش چمزلخ سرت مبیریکن ایمفق یغ دافت ممبنتو اور کانیساسي دالم منچافای متلامت. یونیت بھاس دان یونیت سسترا تله منزیما هدیه قutherford کاءن باکی کجیاں فروجیک کمبارا بھاس دان سسترا نکری سراوق. یونیت فربیتن ٹولا منزیما هدیه قutherford کاءن باکی کجیاں منزیتکن بوکو. بوکو عوم کاریا ٹولیس تمفتن ماناکالا ٹوست دوکومنتاسی ملايو منزیما هدیه قutherford کاءن کران تله برجای ببراف ٹامیرن کورفورت، بھاس دان سسترا سفنا قلبائی مجلس رسمی. یونیت فربیتن کواعن جوک توروت منزیما هدیه قutherford کاءن اتس کھرلخ ملقنساکن مجلسیں سبتوں اولع تاهون ک 25 DBP چاوشن سراوق. هدیه هدیه قutherford کاءن تله دسماکین اولیه توان حاج حمدایحی. مجلسیں هاری کوالیتی یغ دفنوھی اتور چارا برچورق کریاتیف دان اینفورماتیف سکالی لاکی منمیلکن کلائینن افیلا ٹارا تامو دھیورکن دغن ٹرمیباھن تاریدرا "ماراکاجیع" اولیه کومقولن سری نویغ یغ مروفاکن جوھن فرتدیعن سکالوغ سنی DBP ملیسیا 2002.

تهنیئه داوجچکن اونتوق سموا ورک DBP چاوشن سراوق کران کجیاں مغنجورکن مجلسیں تاهون این.

سیپتیمبر 2002 فروجیق 2002 KBSNS این مروفاکن انتارا ککیاتن بھاس دان سسترا DBP چاوشن سراوق تاهون 2002 یغ بکیتو منونجول، سرت برجای مغاٹکت چیترا DBP دالم منداولتکن بھاس دان سسترا ملايو دبومی کپالخ. ٹارا حاضرین ستروسث برقلواع مندغر ٹراغن ریغکس دان ڈت تنتغ ٹنبوھن جاوتنکواس کرج سام بھاس دان سسترا بهاکین نکری سراوق اولیه انچیق ڈت تاهون 2002 این، سکالی لاکی ورک DBP چاوشن سراوق برجای مغھارومکن نام چاوشن سراوق افیلا مرغکول تھت فرتم دان کدوا دالم ٹولیس ٹوئیسی سمننا هاری کوالیتی DBP ملیسیا ڈت تاهون لفس، کالی این محمد فاءیزل جمیل دان رسنی ھیفلی سکالی لاکی ممبوقتیکن کبولیهن ماسیغ ۲. محمد فاءیزل جمیل برجای منجادی جوھن دغن ٹوئیسین "فوھون کمیل" (بوات ورک DBP) ماناکالا رسنی ھیفلی دمخت کدوا دغن ٹوئیسین "سوہن کودغر". کدوا ۲ مریک تله مندیکلاماسیکن ٹوئیسی ترسبوت د مجلسیں برکناءن.

سفنا هاری کوالیتی 2002، جوک بوات جولوغ کالین ٹیھق ٹشوروسن ممبوقتیکن قutherford کاءن کھد سیاٹ یونیت باکی کجایاں سراوق (KBSNS) یغ تله داداکن ڈت بولن

کومیتمن DBP چاوشن سراوق اونتوق تروس مندوکوغ اوسها منجادیکن کوالیتی سبکای تروس کچمزلخن دان ککیلشن اور کانیساسي. کونسیف ایدیا دان ٹمیکیکن لاتر ٹننس این تله دالھامکن دان داؤسهاکن اولیه ستاف اونیت ٹنبدیرن.

دالم اوچن الو. الوان. توان حاج حمزہ حمدی مرقکن قutherford کاءن دان تریما کاسیه کھد ورک DBP چاوشن سراوق یغ برتوگکوس لوموس منجاکن هاری کوالیتی 2002 سرت منکسکن کومیتمن ٹیھق ٹشوروسن چاوشن سراوق اونتوق تروس ممرتبکن فرجواغن بھاس دان سسترا کبغسان برتریسکن نیلای. نیلای کوالیتی دان کچمزلخن. سلائین اوچن بلياو. اوچن ٹرامیان دان امانة کتوا ٹغاره DBP یغ دسماکین اولیه توان حاج حمدایحی جوک منکسکن تنتغ ٹنیشن ورک DBP منجادیکن کوالیتی سبکای بودای کرج دان ٹیکرن دالم سیاٹ اسقیق ٹلسنان توکس.

سبلوم ایت، مجلسیں دمولانکن دغن ٹرمیباھن کومقولن کوئیر د باوه بیمیعن انچیق ابغ ھلیمن ابغ جولای. ٹارا تامو یغ حاضریں کمودینش ڈرتوتونکن ٹرمیباھن ویدیو خاص کمبارا بھاس دان سسترا نکری سراوق (KBSNS) یغ تله داداکن ڈت بولن

هاری کوالیتی دیوان بھاس دان ٹوستاک (DBP) چاوشن سراوق دسمبوٹ ڈت هاری اثنی، 4 نویمبر 2002 د بالای بودای. مجلسیں سبتوں یغ برتمیاکن کوالیتی چمزلخ اور کانیساسي کمیلخ تله درسمیکن اولیه توان حاج حمدایحی ٹغاره جابت سسترا DBP یغ موکیلی کتوا ٹغاره DBP ملیسیا.

ت حاضری سبکای تامو کحرمت ایاله انچیق محمد امین عبدالله، ٹغاره ٹنبدیرن دان کواعن DBP، انچیق کمرلزمان سهرالدین، ٹغاره بهاکین داسر دان ٹمباغونن کورثورت DBP دان انچیق کسپی احمد، ٹغوروس بهاکین ٹرسونل DBP. سلائین ورک DBP چاوشن سراوق دان داوما سندیرین برحد، مجلسیں این توروت دمیراھکن دغن کحاضرن وکیل وکیل اکینسی کراجاءن دان سواستا، ٹارا ٹغکیات بھاس دان سسترا سرت انق - انق سپی د باندرای کوچیع.

سبتوں ڈت هاری کوالیتی ڈت تاهون این منکلکن سدیکیت کلائینن، باءیق دری سکی کونسیف ھیاسن لاتر ٹننس ماھوڤون اتور چارا مجلسیں. کونسیف لاتر ٹننس یغ ریغکس دان کریاتیف دغن لوکیسن داءون لوئتر بسر برونا ھیجاو یغ ملامېتکن لوکو سرت لامېح حروف Q برسائیز بسر ترلتق د ٹونچق داءون لوئتر ملامېتکن